

BAB DUA

PENDEKATAN DAKWAH DAN FAKTOR TARIKAN DAKWAH

2.1 PENDEKATAN DAKWAH

Terdapat banyak ayat al-Quran yang menerangkan tentang pendekatan dakwah Nabi Muhammad SAW kepada sasaran sehingga sasaran terpengaruh dengan ajaran Islam dan mempraktikkannya. Persoalannya yang perlu difahami adalah apakah pengertian pendekatan dakwah? Apakah kepentingan pendekatan dakwah dan apakah asas pendekatan dakwah? Oleh yang demikian, tema perbincangan ini adalah untuk mengenal pasti hal tersebut supaya mendapat gambaran yang lebih jelas.

2.1.1 Pengertian Pendekatan Dakwah

Pendekatan berasal daripada kalimat dekat. Pendekatan memberi erti kaedah, cara, langkah-langkah dan sebagainya yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas atau mengatasi masalah dan lain-lain.⁴⁴ Perkataan pendekatan memberi erti yang sama dengan perkataan *approach* dalam bahasa Inggeris.⁴⁵ Ia memberi erti cara atau kaedah melaksanakan sesuatu atau yang bersangkutan dengan masalah.⁴⁶ Oleh itu, pendekatan dan *approach* merupakan perkataan yang memberi erti yang sama.

Manakala pengertian dakwah, antara pengertian yang lebih jelas dan sesuai ialah suatu kegiatan ajakan baik dalam bentuk lisan, tulisan, tingkah laku dan sebagainya yang dilakukan secara sedar dan berencana dalam usaha mempengaruhi orang lain baik secara individu mahupun secara berkelompok supaya timbul dalam diri sasaran suatu pengertian, kesedaran, sikap penghayatan serta pengamalan terhadap ajaran Islam sebagai mesej yang disampaikan kepadanya dengan tanpa adanya unsur-unsur paksaan.⁴⁷

⁴⁴ Noresah bt. Baharom *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 328.

⁴⁵ D.J. Prentice *et al.* (2002), *Kamus Inggeris -Melayu Dewan*, c. 3. Kuala Lumpur: DBP, h. 75.

⁴⁶ Chris Fox *et al.*(2003), *Longman Dictionary Of Contemporary English*, c. 4. England: Pearson Education Limited, h. 62.

⁴⁷ H.M. Arifin (1991), *op.cit.*

Berdasarkan pengertian-pengertian di atas, pendekatan dakwah itu berarti metode atau cara yang terdekat digunakan dalam melaksanakan dakwah untuk menarik dan mempengaruhi sasaran supaya menerima ajaran Islam yang disampaikan dan mempraktikkannya.

Terdapat perkataan lain yang memberi erti yang sama atau hampir sama dengan perkataan pendekatan dan *approach* apabila dikaitkan dengan dakwah iaitu *minhaj*,⁴⁸ *uslūb*,⁴⁹ metode,⁵⁰ metodologi,⁵¹ dan kaedah.⁵² Ini dijelaskan oleh Ab. Aziz Mohd Zin yang mengatakan pengertian perkataan metode, *uslūb*, *minhaj*, pendekatan, *approach*, cara dan kaedah yang dikaitkan dengan dakwah sama dengan pengertian metodologi dakwah. Oleh itu, *uslūb*, *minhaj*, pendekatan, *approach*, cara, kaedah dan metodologi termasuk dalam kumpulan yang sama dari sudut pengertiannya apabila dikaitkan dengan dakwah.⁵³

Walau bagaimanapun, terdapat pengertian *uslūb* dakwah pada dua pengertian iaitu *uslūb* dakwah dengan makna khusus dan umum. *Uslūb* dakwah dengan makna khusus seperti yang dijelaskan oleh al-Sayyid Nawfal ialah menyampaikan pengertian, pemikiran dan asas hukum-hukum (mesej dakwah) dengan ibarat dan bentuk yang tertentu.⁵⁴ Manakala *uslūb* dakwah dengan makna umum seperti mana yang dijelaskan oleh Ab. Aziz Mohd Zin ialah cara dakwah yang melibatkan pemilihan isi untuk disesuaikan dengan sasaran, pemilihan saluran dan media untuk disesuaikan dengan sasaran dan pemilihan bentuk penyampaian yang lebih menarik sasaran.⁵⁵ Oleh yang demikian, pendekatan

⁴⁸Minhaj adalah perkataan bahasa Arab yang memberi erti cara yang terang. Lihat, Ibrāhīm Muṣṭafā *et al.* (t.t.), *op.cit.*, h. 957.

⁴⁹*Uslūb* adalah perkataan bahasa Arab memberi erti jalan atau cara. Lihat, Louis Ma'luf (t.t.), *al-Munjid*, c. 32. Bīrūt: Maktabah al-Sharqīyah, h. 343.

⁵⁰ Perkataan metode adalah perkataan yang berasal daripada bahasa Inggeris "Method". Metode memberi erti cara melakukan sesuatu. Lihat, Noresah bt. Baharom *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 1030.

⁵¹ Metodologi berasal daripada bahasa Inggeris "Methodology". Metodologi memberi erti sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan. Lihat, *Ibid.*

⁵² Kaedah adalah cara atau peraturan membuat sesuatu terutamanya yang bersistem atau yang biasa. Lihat, *Ibid.*, h. 328.

⁵³ Ab. Aziz Mohd Zin (2004), *Metodologi Dakwah*, c. 2. Kuala Lumpur: Penerbit UM, h. 3.

⁵⁴Abū al-Majd al-Sayyid Nawfal (1977), *al-Da'wah ilā Allāh Ta'ālā Khaṣā'ishūhā, Muqawwamātuhā, Manāhijuhā*. Ṭ.Ṭ.P.:Ṭ.P., h. 189.

⁵⁵ Ab. Aziz Mohd Zin (2004), *op.cit.*, h. 2.

dakwah memberi maksud yang sama dengan perkataan *uslūb* dakwah, ia merangkumi makna *uslūb* dengan makna umum dan khusus.

Kesimpulannya, pendekatan dakwah atau *approach* dakwah mempunyai pengertian yang sama dengan atau hampir sama dengan pengertian minhaj dakwah, *uslūb* dakwah, metode dakwah, metodologi dakwah dan kaedah dakwah. Pendekatan dakwah bermaksud metode atau cara yang terdekat digunakan dalam melaksanakan dakwah untuk menarik dan mempengaruhi sasaran supaya menerima ajaran Islam yang disampaikan dan mempraktikkannya. Secara umumnya pendekatan dakwah melibatkan pemilihan isi dakwah, pemilihan bentuk gaya persembahan, pemilihan sudut strategi, pemilihan bentuk tarikan dan pemilihan saluran mengikut kesesuaian keadaan sasaran. Oleh itu, dakwah yang dilaksanakan tanpa pendekatan yang sesuai dengan keadaan sasaran akan menyebabkan dakwah yang disampaikan tidak berkesan dan akan memberi kesan yang negatif kepada sasaran atau sasaran akan lari daripada seruan yang disampaikan.

2.1.2 Kepentingan Pendekatan Dakwah

‘Abd al-Karīm Zaydān menjelaskan dengan mengumpamakan pendakwah dengan doktor, pendekatan dakwah dengan cara rawatan, isi dakwah dengan ubat untuk menyembuhkan penyakit dan sasaran dengan pesakit. Beliau menyatakan doktor akan terlebih dahulu mengenal pasti penyakit kemudiannya barulah rawatan dijalankan. Ini adalah merupakan pendekatan yang betul dalam rawatan penyakit. Pendakwah mestilah juga melaksanakan pendekatan yang sama seperti doktor iaitu mengenal pasti penyakit terlebih dahulu kemudian barulah bertindak merawatnya. Bukan setakat melihat simptom penyakit dan terus merawat simptom tersebut dengan mengabaikan punca sebenar penyakit.⁵⁶

‘Abd al-‘Azīz Barghūs menjelaskan pendekatan dakwah memberi pertolongan dan menjamin kehendak asas pendakwah dengan dua sebab. Pertamanya ialah kerana dakwah yang dijalankan tanpa pendekatan dakwah yang terang akan sukar bagi pendakwah untuk

⁵⁶ ‘Abd al-Karīm Zaydān (1993), *Uṣūl al-Da‘wah*, c. 3. Bīrūt: Mu‘assasah al-Risālah, h. 421.

mencapai tujuan dakwah. Di samping itu, pendakwah akan gagal dalam menyampaikan ajaran Islam kepada sasaran sama ada orang Islam dan bukan orang Islam. Keduanya ialah kerana pendakwah dapat mengorganisasikan dakwah dengan bersistematik, merancang dakwah dengan strategik dan dapat melaksanakan rancangan dakwah yang telah dirancang iaitu dengan mengenal pasti keadaan sasaran yang sangat kompleks.⁵⁷ Manakala Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsuf menyatakan pendekatan dakwah merupakan unsur yang penting dan berperanan besar dalam memberi kesan kepada sasaran sehingga dapat membawa kejayaan dakwah.⁵⁸

Metode adalah satu perkara yang penting dalam berdakwah kerana metode merupakan cara bagaimana pengajaran yang disampaikan itu dapat mempengaruhi sasaran supaya menerimanya. Sesuatu pengajaran walaupun baik, susah untuk diterima oleh sasaran jika cara penyampaiannya tidak betul.⁵⁹

Penjelasan-penjelasan di atas jelas menunjukkan pendekatan dakwah mempunyai peranan yang sangat besar dalam dakwah. Ia merupakan cara yang digunakan bagi melaksanakan dakwah kepada sasaran dengan lebih dekat dan bersesuaian dengan hal keadaan sasaran untuk menarik perhatian dan mempengaruhi mereka supaya menerima ajaran Islam yang disampaikan dan mempraktikkannya.

Oleh yang demikian, pendakwah atau organisasi dakwah yang bergerak mengikut kemahuan sendiri tanpa pendekatan dakwah akan memberi kesan yang negatif kepada sasaran. Dalam masa yang sama, pendakwah tidak akan dapat mencapai matlamat yang telah digariskan bahkan kemungkinan akan tersasar daripada matlamat. Di samping itu juga, para pendakwah akan kerugian masa, tenaga dan material yang digunakan.

⁵⁷ ‘Abd al-‘Azīz Barghūs (2005), *Manāhij al-Da‘wah fī al-Mujtama‘ al-Muta‘addid al-Adyān wa al-Ajnās*. Kuala Lumpur: Research Centre UIAM, h. 270.

⁵⁸ Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsuf (1414H), *al-Da‘wah al-Islāmiyyah al-Wasā’il wa al-Asālib*, c. 2. Riyād: Dār Ṭawīq h. 69.

⁵⁹ Ab. Aziz Mohd Zin (1991), *Syahadah Ibadah Asabiah Dakwah*. Petaling Jaya: Tempo Publishing, h. 103.

2.1.3 Asas Pendekatan Dakwah

Islam adalah agama yang sempurna sebagai suatu cara hidup yang selaras dengan fitrah manusia. Agama Islam diturunkan oleh Allah SWT ke atas Nabi SAW yang merupakan utusan Allah SWT untuk menyampaikan agamaNya kepada seluruh manusia di atas muka bumi ini. Mengenai tersebut, pastilah Allah SWT mengajarkan cara kepada Nabi SAW untuk berdakwah kepada sasarnya yang terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa, status hidup, pemikiran, keturunan, kemahuan dan lain-lain.

Allah SWT telah mengajarkan pendekatan dakwah kepada Nabi SAW melalui pelbagai pendekatan namun yang menjadi asas utama segala bentuk pendekatan dakwah ialah pendekatan *al-hikmah*, *al-maw'izah al-hasanah* dan *al-mujadalah bi al-lati hiya ahsan*.⁶⁰ Firman Allah SWT:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي
هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ
بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan al-hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah pertunjuk”

Surah al-Nahl (16): 125.

Sayyid Qutub (1909-1966M) menjelaskan ayat tersebut merupakan asas utama yang meletakkan dakwah dan kaedah-kaedahnya, menentukan sarana-sarana dan cara-cara perjuangannya serta menggariskan peraturan dakwah kepada Rasulullah SAW dan kepada

⁶⁰ Wan Hussein Azmi Abdul Kadir (1998), “Islam Agama Dakwah: Suatu Pengenalan”, dalam Abdullah Muhammad Zin *et al.* (eds.), *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*, c. 2. Bangi: Penerbit UKM, h. 22.

para pendakwah selepasnya dalam rangka usaha menyampaikan agama Allah SWT yang lurus.⁶¹

Kesimpulannya, pendekatan *al-ḥikmah*, *al-maw'izah al-ḥasanah* dan *al-mujādalah bi al-latī hiya aḥsan* merupakan asas pendekatan dakwah yang telah dilaksanakan oleh Nabi SAW kepada sasarannya sehingga dakwah baginda dapat memikat hati dan mempengaruhi sasaran supaya menerima ajaran Islam sebagai suatu cara hidup mereka.

1. Pendekatan *al-Ḥikmah*

Perkataan *al-ḥikmah* adalah perkataan yang berasal daripada bahasa Arab yang memberi maksud yang pelbagai iaitu pengetahuan tentang kelebihan sesuatu perkara dengan ilmu yang paling baik, ilmu dan kefahaman, keadilan, sebab, percakapan yang sedikit tetapi memberi maksud yang tinggi, kebijaksanaan, tahan marah, kenabian, sesuatu yang tidak memperlihatkan kejahilan, setiap perkataan yang bertepatan dengan kebenaran, meletakkan sesuatu pada tempatnya, perkataan yang betul dan tepat dan sesuatu yang menegah daripada berlakunya kerosakan.⁶²

Daripada sudut istilah pula terdapat pelbagai pengertian yang diberikan oleh para ulama antaranya ialah percakapan yang benar selaras dengan realiti jiwa pada masa itu,⁶³ al-Quran dan sunah,⁶⁴ dalil yang menerangkan kebenaran dan menghilangkan keraguan,⁶⁵

⁶¹ Sayyid Quṭub (1994), *Fī Zilāl al-Qur'ān*, j. 4, c. 22. Bīrūt: Dār al-Shurūq, h. 2201.

⁶² Ibrāhīm Muṣṭafā *et al.* (t.t.), *op.cit.*, h. 190. Wan Hussein Azmi (1984), *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: DBP, h. 34.

⁶³ Abī al-Fadl Shihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Alūsī (1994), *Rūh al-Ma'ānī fī Tafsīr al-Qur'ān al-'azīm wa al-Sab' al-Mathānī*, j. 13. Bīrūt: Dār al-Fikr, h. 376. Abī Muḥammad 'Abd al-Ḥak b. Ghālib b. 'Atiyyah al-Andalusī (2001), *al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz*, j. 3. Bīrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 432.

⁶⁴ Abī Ja'far Muḥammad b. Jarīr al-Ṭabarī (1967), *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl āy al-Qur'ān*, j. 14, c. 3. Miṣr: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Hilbī h. 194. Abī al-Fidā' Ismā'īl Ibn Kathīr (2002), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, j. 2, c. 3. Qāhirah: Mu'assasah al-Mukhtār, h. 593.

⁶⁵ Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1994), *Tafsīr al-Qāsimī al-Musammā Maḥāsīn al-Ta'wīl*, j. 4. Bīrūt: Dār al-Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 558.

perkataan dan perbuatan serta meletakkan sesuatu pada tempatnya,⁶⁶ segala usaha dan cara, tindakan yang sesuai bijaksana⁶⁷ dan berdasarkan kesesuaian untuk mempengaruhinya.⁶⁸

Abī Ḥayyan (654-754H) menyatakan pengertian *al-ḥikmah* terdapat dua puluh sembilan pengertian yang dinyatakan oleh para pentafsir.⁶⁹ Manakala menurut Wan Hussein Azmi, pendekatan *al-ḥikmah* dalam berdakwah dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:⁷⁰

- a. *Al-Ḥikmah* yang berhubung dengan sifat-sifat pendakwah. Pendakwah perlulah bersifat menurut sifat-sifat para nabi iaitu benar, cerdik, amanah dan tabligh, meletakkan sesuatu pada tempatnya, sabar, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas.
- b. *Al-Ḥikmah* yang berhubung dengan isi kandungan dakwah iaitu mengambil isi kandungan daripada al-Quran dan segala penerangan yang di berikan sewajarnya bertepatan dengan kebenaran serta dalil-dalil yang kuat dan tepat yang boleh menerangkan kebenaran dan menghilangkan segala keraguan.
- c. *Al-Ḥikmah* yang berhubung dengan alat dan strategi dakwah hendaklah digunakan betul-betul sesuai dengan tempatnya untuk menegah berlakunya kerosakan dalam gerakan dakwah.

Untuk melaksanakan pendekatan *al-ḥikmah* kepada sasaran, Sayyid Quṭub (1909-1966M) telah menjelaskan hal tersebut iaitu melihatkan suasana persekitaran dan keadaan sasaran dakwah. Maklumat-maklumat yang hendak disampaikan pada setiap kali itu perlu

⁶⁶Al-Bayānūnī (1995), *op.cit.*, h. 245. Sa‘īd b. ‘Alī b. Wahaf al-Qaḥṭānī (1421H), *al-Ḥikmah fī al-Da‘wah ilā Allāh Ta‘āla*. Riyāḍ: Maktabah al-Mālik Fahad al-Waṭaniyyah, h. 27.

⁶⁷ Bijaksana bererti sesuatu yang sesuai. Manakala sesuai pula bergantung kepada keadaan. Sesuatu tindakan boleh menjadi sesuai bagi seseorang, tetapi tidak sesuai bagi orang lain. Ia menjadi sesuai bagi satu masa, tetapi tidak sesuai dengan masa lain. Dengan itu, tindakan itu hikmah bagi seseorang atau bagi masa tertentu, tetapi tidak hikmah bagi orang lain atau masa yang lain. Maka hikmah berkait rapat dengan keadaan untuk menentukan ia bersesuaian. Lihat, Ab. Aziz Mohd Zin (2004), *op.cit.*, h 8.

⁶⁸ *Ibid.*, h. 10.

⁶⁹Muḥammad b. Yūsuf b. ‘Alī b. Yūsuf b. Ḥayyān al-Andalusī (t.t.), *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ*, j. 2. Riyāḍ: Maktabah al-Naṣr al-Ḥadīthah, h. 320.

⁷⁰ Wan Hussein Azmi (1984), *op.cit.*, h. 34-35.

mengikuti sekadar kemampuan mereka sehingga tidak membebankan mereka dan tidak menyusahkan mereka dengan paksaan sebelum mereka bersedia. Di samping itu juga, cara penyampaian haruslah pelbagai mengikuti keperluan dan jangan sekali-kali menekan dengan semangat yang bergelora, cara cepat dan kedengkian kerana akan menyebabkan terkeluar daripada *al-hikmah*.⁷¹

Kesimpulannya, pendekatan *al-hikmah* merupakan salah satu pendekatan dakwah yang asas dan sangat menarik perhatian sasaran. Ia mempunyai pengertian yang luas. Namun, pengertian yang paling tepat ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya iaitu mengikuti kesesuaian sasaran. Pelaksanaan dakwah yang penuh *al-hikmah* itu, pendakwah perlu mempunyai ilmu, kebijaksanaan, kesabaran, keadilan, lemah lembut, kefahaman, kebenaran dan pengalaman sebagai asas untuk membuat sesuatu keputusan yang bersesuaian dan tepat dengan keadaan sasaran. Oleh yang demikian, pendakwah akan dapat memikat hati dan mempengaruhi sasaran.

2. Pendekatan *al-Maw'izah al-Ḥasanah*

Perkataan *al-maw'izah al-ḥasanah* adalah perkataan yang berasal daripada bahasa Arab, ia mengandungi dua perkataan iaitu *al-maw'izah* yang memberi erti nasihat, peringatan dan pengajaran sama ada perkataan atau perbuatan.⁷² Adapun *al-ḥasanah* ialah kebaikan.⁷³ Oleh itu, *al-maw'izah al-ḥasanah* memberi erti nasihat yang baik.

Al-Alūsi (w 127H) menjelaskan bahawa *al-maw'izah al-ḥasanah* ialah kata-kata yang memberikan kepuasan dan memberikan pengajaran bermanfaat yang tidak tersembunyi kepada sasaran dakwah.⁷⁴ Manakala al-Qāsimī (w 1322H) menyatakan *al-maw'izah al-ḥasanah* iaitu memberi pengajaran dengan lemah lembut dan mengingatkan

⁷¹ Sayyid Quṭub (1994), *op.cit.*, h. 2202.

⁷² Ibrāhīm Muṣṭafā *et al.* (t.t.), *op.cit.*, h. 1043.

⁷³ Hj. Abdullah Hanafi b. Hj. Dollah *et al.* (2006), *Kamus al-Khalil*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 124.

⁷⁴ Al-Alūsi (1994), *op.cit.*

kejadian-kejadian yang buruk dengan menimbulkan perasaan takut kepada sasaran supaya mereka mengingatkan balasan Allah SWT.⁷⁵

Mengikuti Aḥmad Abū Zayd, *al-maw'izah al-ḥasanah* merupakan cara yang berkesan yang dapat memuaskan jiwa sasaran dan merangsang rasa ingin dalam jiwanya untuk mengikuti jalan yang benar dan membuat kebaikan serta menjauhi diri daripada kemungkar, kerosakan dan kejahatan.⁷⁶

Terdapat pelbagai bentuk kata untuk menasihati sasaran seperti yang disenaraikan oleh al-Bayanūnī iaitu perkataan yang jelas dan terang yang bersifat halus dan lembut, bentuk tunjuk ajar yang halus dan dapat difahami, bentuk kiasan yang beradab, bentuk kisah, perkataan yang berkesan dan jenaka, peringatan tentang nikmat-nikmat yang boleh membawa kepada kesyukuran, bentuk memuji dan mengkritik, bentuk menggalakkan untuk membuat kebaikan dan menakutkan dengan perkara yang buruk, bentuk janji-janji Allah SWT dengan pertolongan dan kekuatan, bentuk menahan penderitaan dan bersabar.⁷⁷

Kesimpulannya, pendekatan *al-maw'izah al-ḥasanah* merupakan salah satu pendekatan dakwah yang asas dan berperanan sangat besar dalam merangsang jiwa sasaran yang telah dihanyutkan oleh kemaksiatan atau hilang hala tuju supaya kembali kepada jalan yang dikehendaki oleh Allah SWT. Untuk mencapai perkara tersebut, pendakwah boleh memilih bentuk yang sesuai dengan sasaran untuk menasihati mereka seperti menggunakan kata-kata yang lemah lembut, baik, halus, kata-kata yang boleh menyejukkan kepanasan hati, bentuk kisah, bentuk memuji, mengkritik bermanfaat dan menakutkan perasaan tentang balasan Allah SWT pada hari akhirat seperti yang telah diceritakan oleh al-Quran dan sunah dan sebagainya.

⁷⁵ al-Qāsimī (1994), *op.cit.*

⁷⁶ Aḥmad Abū Zayd (1994), *Manhāj al-Dā'iyah*. Makkah: Rābitah al-'Ālam al-Islāmī, h. 111.

⁷⁷ Al-Bayanūnī (1995), *op.cit.*, h. 259.

3. Pendekatan *al-Mujādalah Bi al-Latī Hiya Aḥsan*

Al-Mujādalah merupakan perkataan nama yang diambil daripada perkataan perbuatan iaitu *jadala*, ia memberi erti ilmu perdebatan yang bukan untuk menerangkan kebenaran bahkan meneruskan perbahasan untuk mengalahkan lawan.⁷⁸ *Al-Mujādalah bi al-latī hiya aḥsan* dalam bahasa Melayu ialah perdebatan yang terbaik.

Mengikut peristilahan, *al-mujādalah bi al-latī hiya aḥsan* ialah kata-kata untuk memahamkan kepada sasaran serta menunaikan tujuan syariat melalui perdebatan. Perdebatan yang terbaik adalah memuaskan sasaran dengan hujah dan dalil untuk menerangkan kebenaran supaya mereka dapat menerima hujah yang telah dikemukakan melalui dalil akal dan dalil al-Quran dan sunah.⁷⁹

Zaydān menjelaskan pendekatan *al-mujādalah bi al-latī hiya aḥsan* bukanlah pendekatan yang bermatlamatkan kemenangan. Pendakwah perlu berdebat dengan baik iaitu menggunakan kata-kata yang baik, berakhlak mulia, merendah diri, tenang dan penuh kasih sayang. Di samping itu juga, pendakwah tidak seharusnya meninggikan suara, tidak marah, tidak menghina dan pendakwah seharusnya menggunakan kata-kata yang bersesuaian dengan kedudukannya yang tinggi, sikapnya yang lemah lembut dan pengasih, tanpa menggunakan kata-kata yang boleh menyinggung perasaan pendengar. Namun, pendakwah perlu menggunakan kata-kata yang meyakinkan dan boleh menerang kebenaran. Jika sasaran dakwah masih degil dan menggunakan emosi serta menolak kebenaran, pendakwah seharusnya menghentikan perdebatan.⁸⁰

Penjelasan-penjelasan di atas, dapat difahamkan perdebatan adalah suatu yang harus dilakukan dengan cara yang baik, lemah-lembut dan ikhlas hati untuk menyampaikan kebenaran.

⁷⁸ Ibrāhīm Muṣṭafā *et al.* (t.t.), *op.cit.*, h. 111.

⁷⁹ Muhammad b. Ḥāmid Āl ‘Uthmān al-Ghāmīrī (1999), *al-Da‘wah ilā Allāh fī Mayādīniha al-Thalāthah al-Kubrā*. T.T.P.: Dār al-Ṭarfiyn, h. 192.

⁸⁰ Zaydān (1993), *op.cit.*, h. 478.

Al-Bayānūnī menyatakan pendekatan *al-Mujādalah bi al-latī hiya aḥsan* mempunyai keistimewaan seperti berikut:⁸¹

- a. Perdebatan yang disetujui ialah perdebatan yang berasaskan kepada ilmu pengetahuan dan makrifat yang mantap. Jika tidak, tidak boleh dilakukan dengan pendekatan ini.
- b. Mengemukakan hujah-hujah yang dapat memuaskan sasaran. Sesungguhnya, asal pada pendekatan ini adalah berdasarkan hujah yang jelas, terang dan kukuh.
- c. Mendapatkan kesan yang pelbagai seperti mendapat kepuasan dengan hujah yang dikemukakan, mendapat manfaat dari ilmu pengetahuan melalui persoalan-persoalan yang dikemukakan dan mendapat persepakatan tanpa fanatik kepada pandangan.

Kesimpulannya, pendekatan *al-mujādalah bi al-latī hiya aḥsan* merupakan salah satu pendekatan dakwah yang asas yang dapat menarik perhatian, mempengaruhi dan memberi kesan kepada sasaran. Perdebatan yang terbaik adalah perdebatan yang mengemukakan sesuatu perkara kebenaran melalui hujah-hujah yang jelas dan kuat kepada sasaran supaya mereka dapat menerimanya dengan terbuka hati dan tidak merasa ragu-ragu di hati dan fikiran. Di samping itu, perdebatan yang terbaik adalah pendebat yang tidak mengikut perasaan atau emosi untuk mencapai kemenangan.

Kesimpulan secara keseluruhannya, kejayaan dalam menyampaikan dakwah sehingga sasaran tertarik dan terpengaruh dengan ajaran Islam itu bergantung kepada pendekatan dakwah yang asas iaitu *al-ḥikmah*, *al-maw'izah al-ḥasanah* dan *al-mujādalah bi al-latī hiya aḥsan*.

⁸¹ Al-Bayānūnī (1995), *op.cit.*, h. 267-269.

2.2 TARIKAN DAKWAH

Topik ini pengkaji akan membincangkan dua sub topik yang besar iaitu konsep tarikan dakwah dan faktor tarikan dakwah.

2.2.1 Konsep Tarikan Dakwah

Persoalannya pertama yang harus difahami ialah apakah yang dimaksudkan dengan tarikan? Sebelum mendedahkan faktor tarikan dakwah secara lanjut haruslah memahami maksud perkataan tarikan dahulu supaya dapat memahami perkataan ini dengan lebih tepat dan jelas.

Perkataan tarikan berasal daripada kalimat tarik ia bersama dengan perkataan *attention* dan *attraction* dalam bahasa Inggeris.⁸² Ia memberi erti daya menarik atau perihal menarik.⁸³ Menurut *Longman Dictionary Of Contemporary English*, a feature or quality that makes something seem interesting or enjoyable.⁸⁴ Dalam *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* memberi maksud yang sangat jelas iaitu daya menarik untuk menarik hati. Ia bermaksud seperti berikut iaitu menimbulkan rasa suka atau senang, mengambil muka, mencari muka, menjilat, perkara-perkara yang sangat menggemarkan hati seseorang melihatnya, meruntun hati, menawan hati, menghambat, mengagumkan, menghairankan, menarik perhatian dan memujuk hati.⁸⁵

Joseph A. Devito menyatakan tarikan ialah keadaan seseorang yang tertarik kepada sesuatu atau kepada seseorang yang mempunyai nilai positif yang tinggi.⁸⁶ Mengikut Ab. Aziz Mohd Zin, tarikan memberi maksud ialah apabila pemikiran dan mental seseorang itu tertumpu kepada sesuatu maklumat yang diterima.⁸⁷

⁸² Khalid M. Hussain (1979), *Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP, h. 78.

⁸³ Noresah bt. Baharom *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 1610.

⁸⁴ Chris Fox *et al.* (2003), *op.cit.*, h. 83.

⁸⁵ Hj. Zainal Abidin Safarwan (1995), *op.cit.*

⁸⁶ Joseph A. Devito (2006), *op.cit.*

⁸⁷ Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *op.cit.*

Oleh yang demikian, tarikan ialah keadaan pemikiran dan jiwa seseorang terpicat hati atau rasa suka kepada sesuatu maklumat yang diterima atau kepada seseorang yang mempunyai nilai positif yang tinggi.

Seperti yang sedia maklum dakwah sendiri adalah usaha untuk menarik perhatian dan mempengaruhi sasaran supaya mereka menerima ajaran Allah SWT dan mempraktikkannya. Fathī Yakan dalam kitabnya *al-Istī'āb fī Hayāh al-Da'wah wa al-Dā'iyah* menyatakan tarikan dakwah ialah kemampuan para pendakwah untuk menarik orang ramai dan memperkembangkan mereka sekalipun mereka itu terdiri daripada pelbagai bentuk mentaliti, kecenderungan, status dan ilmu pengetahuan yang tidak sama.⁸⁸ Oleh yang demikian, tarikan dakwah ialah sesuatu usaha seseorang pendakwah atau organisasi dakwah untuk menarik pemikiran dan jiwa sasaran supaya mendengar dan menerima maklumat yang disampaikan.

Tarikan dakwah sangat penting merupakan langkah awal untuk mengubah sikap sasaran supaya menerima ajaran Allah SWT dan mempraktikkannya. Perkara yang paling utama dalam menyampaikan dakwah sebelum meyakinkan sasaran tentang kebenaran Islam adalah usaha menarik perhatian sasaran supaya akal dan jiwanya dapat menerima ajaran Islam.⁸⁹ Ia dianggap sebagai syarat kelayakan yang pertama dan terpenting bagi peribadi seorang pendakwah. Tanpa daya tarikan, pendakwah belum wujud dan dakwah belum berlaku.⁹⁰ Manakala H.M. Toha Yahya Omar menyatakan sudah tentu dalam melaksanakan dakwah, pendakwah haruslah lebih dahulu dan terus menarik perhatian sasaran.⁹¹

Fakta-fakta tersebut menunjukkan tarikan dakwah merupakan sesuatu usaha seseorang pendakwah atau organisasi dakwah untuk menarik pemikiran dan jiwa sasaran supaya mendengar dan menerima maklumat yang disampaikan. Pemikiran dan jiwa sasaran tidak akan terpicat dan menerima sesuatu maklumat atau seseorang pendakwah melainkan

⁸⁸ Fathī Yakan (1985), *al-Istī'āb fī Hayāh al-Da'wah wa al-Dā'iyah*, c. 4. Bīrūt: Mu'assasah al-Risālah, h. 9.

⁸⁹ Fathī Yakan (1974), *Kayf Nad'ū 'ilā al-Islām*, c. 2. Bīrūt: Mu'assasah al-Risālah, h. 28.

⁹⁰ Fathī Yakan (1985), *op.cit.*, h. 10.

⁹¹ H.M. Toha Yahya Omar (2004), *Islam & Dakwah*. Jakarta: P.T. al-Mawardi Prima, h. 133.

perkara itu mempunyai nilai positif yang tinggi. Oleh yang demikian, tarikan dakwah merupakan antara salah satu pendekatan dakwah yang sangat penting dan perlu diambil berat oleh pendakwah kerana tarikan dakwah merupakan langkah awal dalam dakwah sebelum melaksanakan langkah-langkah seterusnya. Sebaliknya, jika langkah awal tidak dapat menarik perhatian atau memikat hati sasaran adalah sangat sukar bagi sasaran untuk menerima apa yang akan disampaikan oleh pendakwah. Oleh yang demikian, dakwah yang mempunyai daya tarikan lebih menarik perhatian sasaran.

2.2.2 Faktor Tarikan Dakwah

Seperti yang telah dijelaskan di atas tarikan dakwah merupakan sesuatu usaha seseorang pendakwah atau organisasi dakwah untuk menarik pemikiran dan jiwa sasaran supaya mendengar dan menerima maklumat yang disampaikan. Persoalannya apakah faktor yang menjadi tarikan dakwah? Fathī Yakan menjelaskan tarikan dakwah itu tergantung kepada kemampuan peribadi, keahlian di sudut akhlak, sifat kepercayaan kepada Allah SWT dan anugerah Allah SWT yang dapat membantu para pendakwah dan menjadikan mereka sebagai menara hidayah dalam masyarakatnya. Tarikan dakwah juga dapat menjadikan para pendakwah sebagai pusat tumpuan kepada sesiapa yang berada di sekelilingnya. Pendakwah mampu menarik orang ramai sehingga orang ramai mengelilinginya.⁹²

W. Schramm menyatakan untuk menimbul perhatian sasaran dalam komunikasi perlu ada *availability* (mudah ditangkap), *contrast* (pertentangan) dan *reward and threat* (bujukan atau ancaman).⁹³ Manakala Muḥammad Khayr Ramaḍān menerangkan *uslūb* yang cantik dapat menarik perhatian sasaran dan memberi kesan yang baik kepada sasaran.⁹⁴

Suatu kajian tentang ajaran sesat yang dilakukan oleh Engku Ahmad Zaki b. Engku Alwi menyebutkan faktor mudah dan tidak membebankan, imej ajaran, imej guru dan

⁹² Fathī Yakan (1985), *op.cit.*

⁹³ Wilbur Schram (1995), *The Process and Effect of Mass Communication*. Urbana: University of Illinois Press, h. 3.

⁹⁴ Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsuf (1414H), *op.cit.*

kerahsiaan ajaran menjadi faktor tarikan dalam menyebarkan ajaran sesat.⁹⁵ Mengikut Anita Abdul Rani, tarikan ceramah dakwah banyak terletak pada penceramah yang baik, gaya persembahan dan gaya bahasa.⁹⁶

Ab. Aziz Mohd Zin menyenaraikan unsur tarikan dakwah iaitu cantik, nyata dan jelas, mudah, berubah-ubah dan bergerak, berulang-ulang, pelik, tepat pada waktunya, menjinakkan, keperluan, ada hubung dengan seseorang, membuka ufuk pemikiran, mengemukakan alasan, mengemukakan sesuatu perkara dengan label-label baru, simpati dengan masalah sasaran, berdasar psikologi, luas penguasaan ilmu dan pendekatan sains dan teknologi.⁹⁷

Penjelasan-penjelasan tersebut dapat disimpulkan bahawa faktor yang dapat menarik pemikiran dan jiwa sasaran supaya mendengar dan menerima dakwah yang disampaikan itu terdiri daripada beberapa faktor yang besar. Antara faktor-faktor yang telah dikenal pasti menarik perhatian sasaran ialah; faktor pendakwah, faktor mesej, faktor gaya persembahan mesej dan faktor masa dan situasi.

1. Faktor Pendakwah

Kegagalan atau kejayaan dalam tugas berdakwah adalah terletak di atas kemampuan atau kesungguhan pendakwah.⁹⁸ Pendakwah merupakan faktor pertama yang dapat menarik perhatian sasaran. Ini kerana pendakwah adalah orang yang bertanggungjawab dalam menyampaikan risalah kepada manusia dan merangsang manusia supaya menerima Islam yang disampaikan.⁹⁹ Di samping itu, pendakwah adalah roh kepada perjalanan dakwah yang

⁹⁵ Engku Ahmad Zaki b. Engku Alwi (2005), "Ajaran Sesat di Negeri Terengganu Kajian Terhadap Faktor Penyebaran dan Langkah Mengatasinya" (Tesis, Jabatan Akidah dan Pemikiran, APIUM), h. 205-210.

⁹⁶ Anita Abdul Rani (2002), "Ceramah Dakwah: Kajian Tentang Faktor Tarikannya di Kuantan" (Disertasi, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, APIUM), h. 57.

⁹⁷ Ab. Aziz Mohd Zin (1995), "*Minhaj* Dakwah Masa kini: Suatu Pengenalan", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 3, Disember 1995, h. 91-95. Ab. Aziz Mohd. Zin (1999), *op.cit.*, h. 60.

⁹⁸ Ishak Mohd. Rejab (t.t.) "Cara-Cara Penyampaian Dakwah yang Berkesan" dalam Sobri Salamon (ed.), *Isu Dakwah di Malaysia*. Bangi: UKM, h. 99.

⁹⁹ Barghūs (2005), *op.cit.*, h. 345.

diterajunya kerana pendakwah merupakan penunjuk terhadap keelokan dan kecantikan Islam yang menjadi tajuk dakwah.¹⁰⁰

Fathī Yakan menegaskan pendakwah yang berjaya ialah pendakwah yang mampu mengharung dan mempengaruhi semua manusia sama ada dengan fikrahnya dan dakwahnya, sekalipun manusia terdiri daripada pelbagai bentuk keadaan, tabiat dan status. Pendakwah juga mampu menarik ramai manusia dan menguasai mereka dari sudut fikrah dan harakah.¹⁰¹

Salasiah Hanin Hamjah menyatakan penampilan seorang pendakwah mempunyai pengaruh ke atas keberkesanan dakwahnya. Terdapat dua jenis penampilan diri iaitu penampilan fizikal dan penampilan peribadi yang perlu diberikan penekanan oleh seseorang pendakwah dalam usaha menjadikan seorang pendakwah yang disegani dan cemerlang.¹⁰²

Penjelasan-penjelasan tersebut dapat disimpulkan bahawa kejayaan dakwah terletak di atas pendakwah, mereka merupakan faktor yang terpenting untuk menarik perhatian sasaran. Untuk menjadi pendakwah yang mampu menarik perhatian sasaran, seseorang pendakwah perlu memiliki serta melengkapi dirinya dengan penampilan fizikal, penampilan peribadi, status dan karisma.

a) Penampilan Fizikal

Penampilan bermaksud perihal usaha yang menampilkan atau mengemukakan seseorang atau sesuatu.¹⁰³ Manakala fizikal pula bermaksud berkenaan dengan badan atau jasmani.¹⁰⁴ Samsudin A. Rahim menerangkan bahawa penampilan fizikal merujuk kepada rupa paras

¹⁰⁰ Roslan Mohamed (2004), "Imej Pendakwah dan Kesannya Terhadap Dakwah", *Jurnal YADIM*, Bil. 6, April 2004, h. 85.

¹⁰¹ Fathī Yakan (1985), *op.cit.*, h. 9.

¹⁰² Salasiah Hanin Hamjah (2005), "Kemahiran Komunikasi dalam Membina Imej dan Penampilan Pendakwah", dalam Siti Rugayah Hj. Tibek & Salasiah Hanin Hamjah (eds.), *Dakwah dan Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM, h. 104.

¹⁰³ Noresah bt. Baharom *et al.* (2005) *op.cit.*, h. 1589.

¹⁰⁴ *Ibid.*, h. 413.

seseorang.¹⁰⁵ Oleh itu, penampilan fizikal memberi maksud sesuatu usaha yang menampilkan rupa paras luaran seseorang dalam berinteraksi.

Ma'rof Redzuan dalam bukunya *Psikologi Sosial* menyatakan daya tarikan fizikal merupakan salah satu unsur terpenting diri seseorang yang sering mendapat maklum balas dari orang lain.¹⁰⁶ Manakala Joseph A. Devito menerangkan manusia yang mempunyai fizikal yang menarik lebih disukai daripada manusia yang tidak mempunyai fizikal yang menarik.¹⁰⁷ Menurut Ainon Mohd. juga menyatakan wajah dan tubuh badan adalah penampilan fizikal. Orang yang mempunyai ketampanan fizikal mempunyai daya pengaruh yang lebih tinggi daripada mereka yang tidak memiliki unsur itu.¹⁰⁸

Oleh yang demikian, penampilan fizikal yang tampan dapat menarik perhatian orang ramai. Manakala dalam dakwah, pendakwah yang mempunyai wajah yang jernih dan tubuh badan yang cergas. Mereka ini mempunyai daya menarik lebih tinggi daripada pendakwah yang tidak memiliki kelebihan itu.¹⁰⁹ Mewujudkan penampilan fizikal yang tampan di kalangan pendakwah adalah amat penting dalam proses memastikan sasaran yang hendak ditarik dan dipengaruhi menyukai penampilan dirinya disebabkan penampilan mencerminkan sikap seseorang terhadap dirinya sendiri, sikapnya terhadap orang lain, terhadap masa dan terhadap tugas yang dilakukan.¹¹⁰

Untuk menjadi pendakwah yang mempunyai ketampanan fizikal, Mustafa Ar-Rafie menerangkan pendakwah seharusnya menjaga penampilan fizikal supaya nampak bersih dan menarik. Beliau menjelaskan lagi Rasulullah SAW mempunyai perawakan yang menarik dan sentiasa tersenyum. Air mukanya yang jernih boleh melembutkan hati sesiapa yang memandangnya.¹¹¹

¹⁰⁵ Samsudin A. Rahim (1997), *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: DBP, h. 45.

¹⁰⁶ Ma'rof Redzuan (2001), *Psikologi Sosial*. Serdang: Universiti Putera Malaysia, h. 173.

¹⁰⁷ Joseph A. Devito (2006), *op.cit.*, h. 198.

¹⁰⁸ Ainon Mohd (2004), *Psikologi Kejayaan*, c. 2. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd., h. 114.

¹⁰⁹ Abdullah Hassan (2007), *Berdakwah Dengan Efektif*. Selangor: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd., h. 159

¹¹⁰ Salasiah Hanin Hamjah (2005), *op.cit.*

¹¹¹ Mustafa Ar-Rafie (2004), *Dakwah dan Keunggulan Para Daie*. Abd. Wahab Latif *et al.* (terj.). Selangor Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., h. 135.

Nabi Muhammad SAW menggalakkan umatnya menjadi seorang yang mempunyai penampilan fizikal yang tampan bukan khusus kepada jiwa sahaja seperti yang disebut dalam hadis:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ "لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبَرٍ قَالَ رَجُلٌ إِنَّ الرَّجُلَ لِيُحِبُّ أَنْ يَكُونَ تَوْبُهُ حَسَنًا وَنَعْلُهُ حَسَنَةً قَالَ "إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ الْكِبَرُ بَطْرُ الْحَقِّ وَعَمَطُ النَّاسِ"

Maksudnya:

Dari Abdullah bin Mas'ud, Rasulullah SAW bersabda "Tidak akan dapat masuk syurga bagi sesiapa yang terdapat dalam hatinya perasaan takbur walaupun sebesar zarah. Seorang lelaki berkata kalaulah seseorang itu suka memakai pakaian yang cantik dan kasut yang cantik adakah termasuk dalam takbur? Nabi SAW menjawab sesungguhnya Allah itu cantik dan sukakan kecantikan, lalu baginda menerangkan bahawa takbur itu ialah menolak kebenaran dan menghina orang lain."¹¹²

Hadis tersebut menunjukkan bahawa ketampanan fizikal atau perhiasan badan supaya nampak menarik adalah amat penting dan tidak boleh dilihat sebagai remeh-temeh kerana jika kelihatan kotor dan tidak teratur, ia boleh menjijikkan dan menjauhkan orang lain darinya. Kebersihan adalah salah satu pokok penting bagi menarik perhatian sasaran. Kebersihan pakaian mempunyai pengaruh yang besar kepada sikap pendakwah. Ia menunjukkan harga diri pendakwah pada pandangan masyarakat dan amatlah penting untuk dijaga.¹¹³

Abū Fāris menyatakan kebersihan merupakan antara unsur yang mencerminkan kehebatan pendakwah kepada mental sasaran. Tidak hairan mengapa sasaran melarikan diri dan tidak mahu mendengar pengucapan pendakwah yang mempunyai penampilan yang

¹¹² Abī al-Husayn Muslim b. al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim*, "Kitāb al-Īmān", no. hadis 265. c. 3. Riyād: Dār al-Salām, h. 693-694.

¹¹³ Hj. Nik Abdul Malik Abdul Karim Abdullah Hamka (1988), *Tafsir al-Azhar*, j. 29. Singapura: Pustaka Nasional Sdn. Bhd., h. 7724-7725.

buruk, berpakaian kotor, rambut dan janggut yang tidak terurus dan berbau peluh yang tengik kerana Rasulullah SAW sendiri mengeji perkara tersebut.¹¹⁴

Penjelasan-penjelasan tersebut membuktikan bahawa penampilan fizikal yang tampan merupakan satu perkara yang penting yang menjadi daya tarikan untuk memikat hati sasaran sebelum menyampaikan mesej kepada sasaran. Penampilan fizikal termasuklah aspek wajah atau air muka, badan, cara berdiri dan berjalan, cara berpakaian, rambut dan janggut serta nada suara. Oleh yang demikian, untuk menjadi seorang pendakwah yang dapat menarik perhatian sasaran haruslah bagi para pendakwah membentuk penampilan fizikal ketika berdakwah seperti berikut:

- i. Penampilan riak muka atau wajah iaitu riak muka atau wajah yang jernih dan membahagiakan. Ini kerana wajah adalah tumpuan yang pertama untuk menarik perhatian. Oleh itu, untuk menyerlah riak muka yang jernih itu hendaklah sentiasa mengingati dan taat kepada Allah SWT serta memiliki sifat-sifat jujur, berperibadi luhur, mesra dan sanggup menerima ujian. Manakala riak muka yang membahagiakan ialah dengan memperbanyakkan senyuman.¹¹⁵
- ii. Penampilan badan iaitu sentiasa menjaga badan agar berbau harum atau wangi serta rambut dan janggut yang terurus.
- iii. Penampilan cara berdiri dan berjalan iaitu berdiri dengan tegak dan elakkan daripada berdiri dengan mendongak kerana ia menggambarkan ciri-ciri orang yang bongkak.¹¹⁶
- iv. Penampilan berpakaian iaitu berpakaian yang bersih dan kemas mengikut kesesuaian program yang dihadiri dan sasaran yang disasarkan dakwahnya.

¹¹⁴ Muḥammad ‘Abd al-Qādir Abū Fāris (1996), *Usus fī al-Da‘wah wa Wasā’il Nashrihā*. Ammān: Dār al-Furqān, h. 62.

¹¹⁵ Salasih Hanin Hamjah (2005), *op.cit.*, h. 104-105.

¹¹⁶ *Ibid.*, h. 106.

Melalui penampilan berpakaian ini, dakwah akan dapat menarik perhatian sasaran.¹¹⁷

- v. Penampilan nada suara dalam percakapan atau pengucapan iaitu menggunakan nada suara yang tinggi dan rendah mengikut kesesuaian keadaan sasaran.

Berdasarkan maklumat-maklumat tersebut ternyatalah penampilan fizikal merupakan suatu perkara yang penting kerana ia mencerminkan imej pendakwah sebelum menyampaikan mesej dakwah kepada sasaran. Pendakwah yang mempunyai ketampanan fizikal lebih menarik daripada pendakwah yang tiada ketampanannya. Oleh itu, pendakwah hendaklah mempelajari dan mempertingkatkan penampilan fizikal yang tidak menyalahi syariat Islam agar lebih menarik.

b) Penampilan Peribadi

Selain daripada penampilan fizikal, penampilan peribadi yang baik juga perlu ditampikan oleh pendakwah untuk menjadi pendakwah yang dapat menarik perhatian sasaran. Peribadi merujuk kepada sifat-sifat, kelakuan, sikap dan tingkah laku seseorang yang sudah sehati dengan dirinya sendiri untuk merupakan wataknya.¹¹⁸

Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah mengatakan personaliti merupakan keseluruhan cara bertindak, berfikir dan merasa yang biasa bagi seseorang yang menjadikan seseorang itu berbeza dengan kesemua individu yang lain dan yang mencirikan seseorang itu.¹¹⁹ Manakala Mengikut Mohd Salleh Leber personaliti seseorang dapat dikenali melalui gaya percakapan, cara bertindak, tingkah laku dan cara bekerja.¹²⁰ Personaliti merujuk kepada kemahiran sosial iaitu ia dinilai cara seseorang berjaya mendapatkan tindak balas

¹¹⁷ Roslan Mohamed (2004), *op.cit.*, h. 89.

¹¹⁸ Noresah bt. Baharom *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 1184.

¹¹⁹ Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah (2004), *Psikologi*, c. 2. T.T.P.: Mc Graw Hill, h. 141.

¹²⁰ Mohd Salleh Leber (1994), *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Bhd., h. 171.

positif daripada orang lain dalam pelbagai situasi. Dalam konteks ini, seseorang yang dapat berhubung secara menarik dengan orang lain di katakan mempunyai personaliti menarik.¹²¹

Fakta-fakta di atas dapat difahami penampilan peribadi adalah seseorang yang menonjolkan sikap, akhlak atau tingkah laku yang baik ketika berhubung dengan orang lain. Penampilan peribadi yang baik inilah dapat menarik perhatian orang lain. Dalam dakwah peribadi seseorang pendakwah amatlah penting kerana sasaran akan memerhatikan kelakuan pendakwah terlebih dahulu sebelum menerima mesej yang disampaikan. Terdapat ramai pendakwah yang bijak pandai menyeru ke arah kebenaran dan kemuliaan namun sasaran tidak menghiraukannya, kerana mereka tidak memenuhi tuntutan keperibadian yang terpuji.¹²²

Zaydān mengatakan antara cara yang penting dalam dakwah dan dapat menarik perhatian orang ramai kepada Islam ialah pendakwah yang mempunyai budi pekerti yang terpuji, mempunyai perbuatan yang baik dan sifat-sifat yang unggul dan boleh menjadi contoh teladan yang baik seperti kitab yang dapat dibacakan dan difahamkan oleh semua orang tentang Islam. Ini kerana akhlak yang mulia itu lebih berkesan daripada kata-kata atau ucapan pendakwah sahaja.¹²³

Mohd Amin Abdul Rahim menyatakan pendakwah yang mempunyai peribadi yang menarik akan diterima dan disukai oleh sasaran kerana jika pada peringkat awal sasaran telah menunjukkan tanda menolak dan menentang disebabkan bencinya kepada pendakwah, maka akan sukar bagi pendakwah untuk meneruskan langkah-langkah seterusnya.¹²⁴

Kenyataan-kenyataan di atas merupakan hujah yang membuktikan kepentingan penampilan peribadi yang baik. Oleh yang demikian, penampilan peribadi yang baik akan meningkatkan imej seseorang pendakwah yang dapat menarik perhatian sasaran supaya mendengar dan menerima apa yang disampaikan. Untuk memastikan apakah penampilan

¹²¹ Habibah Elias Noran Fauziah Yaakub (1997), *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: DBP, h. 151.

¹²² Wan Hussein Azmi (1988), *Panduan Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: DBP, h. 85.

¹²³ Zaydān (1993), *op.cit.*, h. 485.

¹²⁴ Mohd Amin Abdul Rahim (2001), *Panduan Pendakwah Secara Praktikal*. Kuala Lumpur: Darul Fikir, h. 44.

peribadi yang perlu ditampilkan oleh pendakwah supaya dapat menarik perhatian dan menawan hati sasaran.

Fathī Yakan menerangkan sifat-sifat terpenting yang perlu ditampilkan oleh pendakwah untuk menarik perhatian sasaran iaitu memahami agama Allah SWT dengan mendalam, menjadi contoh teladan yang baik, bersabar, lemah lembut, memudahkan bukan menyusahkan, tawaduk dan rendah diri, manis muka dan manis tutur kata, pemurah, menafkahkan harta kepada orang ramai, memberi khidmat kepada orang lain dan menyempurnakan keperluan mereka.¹²⁵

Al-Qaḥṭānī menyenaraikan sifat yang perlu ditampilkan oleh pendakwah dalam melaksanakan tugas dakwah dengan bersungguh-sungguh iaitu jujur, ikhlas, berdakwah kepada Allah SWT dengan cara yang jelas dan terang, kemurahan hati, mesra, lemah-lembut, belas kasihan, pemaaf, tawaduk, tepat janji, mementingkan orang lain, keberanian, kecerdasan, beramanah, malu kepada keburukan, takwa, pemurah, keazaman yang kuat, berdisiplin, terperinci dan menjaga masa, beramal dengan apa yang di sampaikan, menjadi contoh teladan yang baik, zuhud, adil warak, beristiqamah, memahami situasi, sikap pertengahan, merasa diri sentiasa bersama Allah SWT, keyakinan kepada Allah SWT, bertahap-tahap dan melaksanakan perkara yang lebih penting.¹²⁶

Aḥmad b. Nāṣir menggariskan sifat-sifat asasi perlu ditampilkan oleh pendakwah ialah beriman kepada Allah SWT, kuat berhubung dengan Allah SWT, ikhlas, berilmu, beristiqamah, menjadi contoh teladan yang baik, memuliakan agama Islam, lemah lembut, peramah, tawaduk, berkorban, jauh dari sifat cemburu, mengharap dan mempercayai pertolongan Allah SWT, benar, memudahkan dan bersabar.¹²⁷

Berdasarkan fakta-fakta di atas menunjukkan menampilkan sifat-sifat yang terpuji seperti keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT yang tinggi, keikhlasan, kesabaran,

¹²⁵ Fathī Yakan (1986), *Konsep Penguasaan dalam Kehidupan Dakwah dan Pendakwah*. Alias Othman (terj.), c. 2. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 17-79.

¹²⁶ Al-Qaḥṭānī (1421H), *op.cit.*, h. 121.

¹²⁷ Aḥmad b. Nāṣir b. ‘Abd al-Raḥmān al-‘Ammār (2003), *Ṣifāt al-Dā‘iyah*, c. 3. Riyāḍ: Dār Ishbīliyya, h. 25-78.

kesungguhan, amanah, adil, berani, disiplin, pemurah, peramah, pemaaf, menguasai ilmu agama yang dalam, menjadi contoh teladan yang baik dan lain-lain. Melalui sifat-sifat tersebut, pendakwah dapat menarik perhatian sasaran kerana sasaran akan memerhati perbuatan dan tingkah laku pendakwah serta menilai kebaikan dan keburukannya terlebih dahulu sebelum menerima yang disampaikan. Melalui penampilan peribadi yang baik mereka lebih mudah untuk memahami Islam daripada kata-kata atau ucapan.

c) Status

Dalam *Kamus Dewan* status dimaksudkan ialah taraf atau kedudukan orang.¹²⁸ Dalam dakwah, status seseorang pendakwah merupakan suatu perkara yang penting dan dapat menarik perhatian sasaran supaya mereka mengubah pemikiran dan penghayatan menerima ajaran Islam sebagai suatu cara hidup. Oleh itu, status para pendakwah memainkan peranan yang penting dalam menarik perhatian sasaran supaya menerima ajaran Islam. Ab. Aziz Mohd. Zin menerangkan kedudukan pendakwah di kalangan masyarakat, dilihat dari sudut keturunan, ekonomi, jasa dan penglibatan kepada kebijakan masyarakat merupakan satu tarikan untuk mempengaruhi sasaran.¹²⁹

Sejarah telah membuktikan bahawa antara kejayaan dakwah Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan para pendakwah dalam menyampaikan risalah Allah kepada sasaran ialah dengan mempunyai kedudukan dan status yang baik. Melalui kedudukan dan status yang baik, ia dapat menyumbang kepada implikasi positif dakwah.¹³⁰ Oleh itu, para pendakwah yang mempunyai kedudukan yang tinggi memainkan peranan yang penting dalam menarik dan mempengaruhi sasaran dengan apa yang disampaikan.

¹²⁸ Noresah bt. Baharom *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 1523.

¹²⁹ Ab. Aziz Mohd. Zin (1997), "Metode Da'wah Wali Songo", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 7, Disember 1997, h. 45.

¹³⁰ Ab. Aziz Mohd. Zin *et al.* (2006), *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan UM, h.100.

Muṣṭafā al-Sibā'ī menerangkan bahawa:

“Apabila seorang pendakwah yang terdiri daripada kalangan orang mulia dan dihormati di dalam sesebuah masyarakat, maka ia merupakan faktor utama bagi mendapat perhatian dan sambutan orang ramai, kerana sudah menjadi kebiasaan, sekiranya pendakwah datangnya daripada golongan orang tidak begitu terkenal atau daripada keturunan yang rendah, maka dia kurang mendapat sambutan malah dipandang rendah pula. Tetapi sebaliknya kalaulah datang daripada keluarga yang mulia dan disanjung baik kerana keturunan mahupun kerana kedudukannya dalam masyarakat, maka mereka akan dipropagandakan orang supaya dakwahnya diterima dan kata-katanya didengar.”¹³¹

Ab. Aziz Mohd Zin menyatakan sasaran tertarik dan terpengaruh kepada kedudukan pendakwah secara individu iaitu pertamanya kedudukan Nabi Muhammad SAW adalah keluarga dan keturunan, bijak, dipercayai dan mempunyai karisma yang tinggi. Keduanya kedudukan para sahabat adalah berkedudukan tinggi dalam masyarakat. Ketiganya kedudukan pendakwah ke Nusantara ialah berkedudukan tinggi dan penting bagi masyarakat. Akhirnya kedudukan para Wali Songo ialah berkedudukan tinggi dan dihormati dalam masyarakat.¹³²

Di samping itu juga, dakwah di alam Melayu pada peringkat awal permulaannya adalah berkembang dengan baik melalui beberapa faktor di antaranya ialah kedudukan pendakwah yang tinggi dan mulia digunakan sebagai kepentingan dakwah. Contohnya golongan pedagang yang mempunyai harta yang banyak sebagai golongan hartawan, mereka ini merupakan golongan yang tinggi kedudukannya di kalangan masyarakat di kawasan ini. Dengan kedudukan tersebut, mereka lebih senang untuk menarik perhatian sasaran.¹³³

Fakta-fakta tersebut menunjukkan bahawa status seseorang pendakwah memainkan peranan yang penting dalam berdakwah, ia merupakan suatu faktor yang sangat penting bagi pendakwah dalam menarik perhatian sasaran yang lebih ramai. Ini kerana tabiat

¹³¹Muṣṭafā al-Sibā'ī (2004), *Perjalanan Hidup Nabi Muhammad S.A.W.* Abdul Rashid Hj. Ahmad (tej.). Kedah Darul Aman: Pustaka Darussalam, h. 6-7.

¹³²Ab. Aziz Mohd Zin (2005), *Peranan Dakwah dalam Pembinaan Islam Hadhari di Malaysia.* Kuala Lumpur: Penerbitan UM, h. 32. Ab. Aziz Mohd. Zin (1997), *op.cit.*, h. 43.

¹³³Ab. Aziz Mohd Zin (2004), *op.cit.*, h. 68.

manusia adalah lebih tertarik atau suka kepada orang yang lebih tertinggi statusnya atau istimewa daripadanya. Oleh itu, pendakwah yang mempunyai keturunan yang mulia, ekonomi yang baik, kelulusan akademik yang tinggi, menjadi pemimpin, jawatan yang tinggi dalam masyarakat, kepakaran atau kehebatan seseorang dan lain-lain adalah lebih menarik perhatian sasaran .

d) Karisma

Faktor yang terakhir yang penting untuk memikat hati sasaran ialah karisma. Karisma adalah satu ciri kepimpinan dan kejayaan, tetapi itu tidak bermakna semua individu yang menjadi pemimpin ataupun berjaya memiliki karisma. Karisma bukan hanya tertentu ke atas pemimpin ahli politik sahaja bahkan ia boleh dimiliki oleh individu yang lain seperti pendakwah, profesor, guru, tokoh ajaran sesat dan sebagainya.¹³⁴ Boleh dikatakan karisma boleh dimiliki oleh setiap individu namun setiap individu memiliki karisma yang berbeza ada yang berkarisma tinggi, berkarisma sederhana dan berkarisma rendah.¹³⁵

Karisma berasal daripada bahasa Greek iaitu *kharisma*.¹³⁶ Ia merujuk kepada *a rare trait found in certain personalities usually including extreme charm and a 'magnetic' quality of personality along with innate and powerfully sophisticated personal communicability and persuasiveness*.¹³⁷

Menurut *Kamus Dewan*, karisma ialah kualiti daya kepimpinan, daya penarik atau sifat-sifat tertentu seseorang individu yang menjadikannya berupaya mempengaruhi atau menjadi perangsang kepada khalayak ramai.¹³⁸ Ia juga merujuk sejenis sifat peribadi seseorang individu yang seolah-olah mempunyai kebolehan dan kuasa yang luar biasa.¹³⁹

¹³⁴ Ainon Mohd (2004), *op.cit.*, h. 149.

¹³⁵ Abdullah Hasan (2005), "Bahasa Rojak dan Karisma Penutur" (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Kacuan Bahasa dan Bahasa Kacuan; Proses, Produk dan Daya Hidup, 17 September 2005 di Universiti Sains Malaysia), h. 9.

¹³⁶ Wikipedia, <http://en.wikipedia.org/wiki/Charisma>, 2 April 2009.

¹³⁷ *Ibid.*

¹³⁸ Noresah bt. Baharom *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 679.

¹³⁹ Ensiklopedia Malaysiana (1995), *Ensiklopedia Malaysiana*. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn.Bhd., h. 376.

Dalam *Longman Dictionary Of Contemporary English*, karisma bermaksud *a natural ability to attract and interest other people and make them admire you*.¹⁴⁰

Mustafa Abdulrahman Mahmud menerangkan karisma adalah suatu kekuatan tabiat yang sehati ada pada seseorang, ia sudah tentu dapat memikat hati orang lain dan menjadikan orang yang berdekatan dengannya lebih dekat dan lebih kekal perhubungan. Di samping itu juga, dapat bertambah rapat perhubungan di antaranya. Ia bukanlah kerana dibuat-buat dan dipaksa-paksa.¹⁴¹ Oleh yang demikian, karisma merupakan kebolehan dan kehebatan seseorang individu yang dapat menarik dan mempengaruhi orang ramai mengikutnya melalui sifat peribadi yang tertentu.

Untuk mengetahui seseorang individu mempunyai karisma atau tidak ialah mempunyai pengagum. Individu yang mempunyai ramai pengagum ialah individu yang mempunyai karisma yang tinggi.¹⁴² Cara untuk memiliki ramai pengagum ialah dengan kebolehan berpidato, pandai menggunakan fenomena sebagai satu isu yang diperjuangkan, keberanian dan lain-lain sifat yang tidak kelihatan tetapi dapat menarik orang ramai untuk mempercayai atau menyokong pergerakan yang dibentuknya.¹⁴³

Dalam kajian sebuah tesis tentang ajaran sesat Ayah Pin menyatakan guru atau pemimpin yang diikuti adalah seorang yang berkarisma, mereka dilihat sebagai seorang yang pandai berhujah dengan logik mereka.¹⁴⁴ Abdullah Hasan menyebutkan seseorang pendakwah yang berkarisma adalah pendakwah yang memiliki tiga unsur utama. Pertamanya ialah unsur keilmuan dan kepakaran. Keduanya ialah unsur ketelusan bukan munafik. Unsur yang ketiga ialah imej dan keterampilan. Melalui unsur ketiga-tiga tersebut

¹⁴⁰ Chris Fox *et al.* (2003), *op.cit.*, h. 248.

¹⁴¹ Mustafa Abdulrahman Mahmud (1951), *Peribadi*. Pulau Pinang: Maktabah Hj. Abdullah b. Muhammad Nuruddin al-Rawi, h. 10.

¹⁴² Ainon Mohd (2004), *op.cit.*, h. 149.

¹⁴³ Naemah bt. Muda (1987), "Perjuangan Anwar Ibrahim (Dilihat dari Aspek Karisma)" (Kertas Rancangan Penulisan Kreatif dan Deskriptif, Jabatan Pengajian Melayu, APMUM), h.9-10.

¹⁴⁴ Engku Ahmad Zaki b. Engku Alwi (2005), *op.cit.*, h. 208.

barulah seseorang pendakwah itu memiliki kuasa karisma yang dapat mengubah sikap dan tingkah laku golongan sasaran.¹⁴⁵

Tidak boleh dinafikan Nabi Muhammad SAW adalah seorang pendakwah yang terunggul dan paling karismatik iaitu dengan keimanan dan ketakwaannya kepada Allah SWT yang sangat tinggi, akhlak dan keperibadiannya yang sangat mulia, kecerdikannya dan statusnya. Oleh sebab itu, baginda dapat menarik sahabat-sahabatnya menganut agama Islam dan bersamanya dalam menyampaikan risalah Islam kepada manusia.

Fakta-fakta tersebut jelas pendakwah yang berkarisma ialah pendakwah yang mempunyai unsur keimanan dan ketakwaan yang tinggi, mempunyai sifat kepimpinan, mempunyai ketelusan, mempunyai keilmuan dan kepakaran yang tinggi, imej dan kehebatan berhujah dalam pidato. Di samping itu juga, karisma bergantung kepada kesesuaian masyarakat masing-masing yang harus pendakwah ubah sesuai. Kesemuanya tersebut hendaklah dibina oleh pendakwah untuk menarik perhatian sasaran. Oleh yang demikian, karisma merupakan satu tarikan yang sangat penting bagi pendakwah untuk lebih mudah dalam menarik perhatian sasaran. Ini kerana karisma adalah menonjolkan kehebatan yang luar biasa yang ada pada diri pendakwah kepada khalayak ramai. Kesan yang menentukan seseorang pendakwah itu berkarisma atau tidak, berkarisma tinggi atau rendah ialah pengagum ramai atau tidak.

Kesimpulan keseluruhannya, pendakwah merupakan salah satu faktor tarikan yang sangat penting dan memainkan peranan dalam menarik perhatian sasaran supaya menerima Islam yang disampaikan. Ia merupakan penunjuk terhadap keelokan dan kecantikan Islam yang menjadi tajuk dakwah. Untuk memperkasakan daya tarikan bagi seseorang pendakwah hendaklah dengan membina penampilan fizikal yang tampan, penampilan peribadi yang baik, mengangkat status diri yang tinggi dan meningkatkan karisma.

¹⁴⁵ Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2000), *Tingkatkan Daya Pengaruh Anda*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd., h. 79.

2. Faktor Mesej

Agama Islam adalah agama yang mempunyai matlamat membawa kesejahteraan kepada seluruh umat manusia. Islam amat mementingkan mesej yang di kandunginya agar disampaikan seluas mungkin dan dengan cara yang menarik dan berkesan.¹⁴⁶ Mesej dakwah dalam bahasa Arab ialah *mawḍū' al-da'wah*. Ia memberi maksud ajaran Islam itu sendiri yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW sebagaimana yang terkandung di dalam al-Quran dan sunah.¹⁴⁷ Ini bermaksud apa yang disebutkan di dalam al-Quran dan sunah itu adalah mesej dakwah.

Mesej dakwah merangkumi pelbagai aspek namun secara umumnya terbahagi kepada tiga aspek yang penting iaitu aspek akidah, syariat dan akhlak. Mesej dakwah merupakan salah satu faktor penting yang dapat menarik perhatian sasaran apabila dibentuk dengan unsur-unsur yang menarik dan bersesuaian dengan keadaan sasaran.

Mohd Amin Abdul Rahim menjelaskan pemilihan isi dakwah merupakan salah satu faktor bagi kejayaan kegiatan dakwah. Hanya dengan pemilihan isi dakwah yang tepat dan betul, kegiatan tersebut akan berjaya.¹⁴⁸

Oleh yang demikian, mesej dakwah yang hendak disampaikan perlu dikaitkan dengan unsur-unsur menarik iaitu mudah, jelas dan terang, pelik, berubah-berubah dan bergerak dan keperluan supaya sasaran tertarik dan minat dengan mesej dakwah yang disampaikan.

¹⁴⁶ Zulkiple Abd. Ghani (2001), *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd., h. 36.

¹⁴⁷ Zaydān (1993), *op.cit.*, h. 7.

¹⁴⁸ Mohd Amin Abdul Rahim (2001), *op.cit.*, h. 57.

a) Mudah

Satu perkara yang dapat menarik perhatian sasaran untuk menerima ajaran Islam dan mempraktikkannya ialah mesej dakwah yang disampaikan kepada sasaran itu adalah mesej yang mudah. Ini kerana agama Islam itu sendiri adalah mudah dan bersesuaian dengan fitrah manusia, mereka sukakan perkara yang mudah dan tidak sukakan perkara sukar dan beban.

Dalam industri perniagaan, banyak peniaga menggunakan konsep mudah sebagai strategi penjualan untuk menarik perhatian pelanggan supaya membeli barangan yang dijual. Contohnya buku-buku yang diterbitkan oleh penerbit akan menonjolkan perkataan mudah dibaca, huraian yang mudah, isi mudah difahami, bahasa yang mudah, senang dicari dan sebagainya untuk menarik pembaca agar membeli dan membaca buku itu.

Engku Ahmad Zaki b. Engku Alwi dalam kajiannya yang berkaitan dengan ajaran sesat yang dijalankan ke atas pengikut ajaran sesat iaitu pengikut Ayah Pin dan *al-Arqām* didapati mereka menggunakan mesej mudah dan tidak membebankan sebagai daya tarikan mereka untuk memikat sasaran.¹⁴⁹

Dalam al-Quran, Allah SWT telah menerangkan Allah SWT tidak menjadikan hambaNya untuk menanggung bebanan dalam menunaikan perintahNya. Firman Allah SWT:

... هُوَ أَجْتَبَلِكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ... ﴿٧٨﴾

Maksudnya:

“ ...Allah tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama...”

Surah al-Baqarah (16): 78.

¹⁴⁹ Engku Ahmad Zaki b. Engku Alwi (2005), *op.cit.*, h. 205.

Ibn Kathīr (700-774H) menerangkan ayat tersebut bahawa Allah SWT tidak mewajibkan dan menyuruh sesuatu perkara yang membebankan hambaNya melainkan Allah SWT memberikan hambaNya jalan keluar.¹⁵⁰

Nabi SAW berpesan kepada sahabat-sahabatnya agar sentiasa menonjolkan mesej yang mudah kepada sasaran dan ia merupakan kaedah dakwah Nabi SAW semasa berinteraksi dengan sasaran.¹⁵¹ Seperti mana yang telah dijelaskan dalam hadis Nabi SAW:

عَنْ أَنَسٍ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : ((يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا وَبَشِّرُوا وَلَا تُنْفِرُوا))

Maksudnya:

Dari 'Anas, dari Nabi SAW bersabda: “*Hendaklah engkau mempermudah dan jangan memayahkan dan berilah khabar yang baik-baik dan menggembirakan dan jangan menjadikan mereka lari*”¹⁵²

Ab. Aziz Mohd Zin menjelaskan pesanan tersebut akan memberi gambaran yang Islam itu tidak membebankan dan ia akan menarik perhatian.¹⁵³

Kesimpulannya, mesej dakwah yang disampaikan perlu mudah dan bersesuaian dengan tuntutan agama yang tercatat dalam al-Quran dan sunah. Di samping itu juga, ia harus dipersembahkan dengan cara yang mudah. Ini kerana dengan mesej dan cara yang mudah sasaran mudah terpicat apa yang disampaikan..

b) Jelas Dan Terang

Mesej jelas dan terang juga merupakan antara salah satu cara dakwah Rasulullah SAW dalam menyampaikan dakwah Islamiah kepada sasaran supaya sasaran tiada kekeliruan dan salah tanggap. Di samping itu, ia dapat menarik perhatian sasaran.

¹⁵⁰ Ibn Kathīr (2002), *op.cit.*, J. 3, h. 243.

¹⁵¹ Al-‘Ammār (2003), *op.cit.*, h. 75.

¹⁵² Al-Imām al-Ḥāfiẓ Abī ‘Abd Allāh Muḥammad b. Ismā‘īl b. Ibrāhīm b. al-Mughirah b. Bardizbah al-Bukhārī (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, “*Kitāb al-‘Ilm*”, no. hadis 69. c. 3. Riyāḍ: Dār al-Salām, h. 8.

¹⁵³ Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *op.cit.*, h. 66.

Ab. Aziz Mohd Zin memperbandingkan fikiran manusia adalah sama seperti perut yang memproses makanan, yang tidak suka kepada benda-benda yang sukar dan berat untuk dihadamkan. Fikiran manusia juga akan menjadi berat ketika berhadapan dengan benda-benda yang kesamaran dan sukar untuk difahami.¹⁵⁴ Oleh yang demikian, jelaslah manusia suka dan tertarik kepada mesej-mesej yang disampaikan dengan jelas dan terang kerana fikirannya mudah untuk menerima apa yang disampaikan.

Dalam al-Quran Allah SWT telah menerangkan cara dakwah Nabi SAW yang mana baginda menyampaikan dakwah dengan jelas sama ada mesej dan gaya persembahan mesej, firman-Nya:

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي
وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

“ Katakanlah (wahai Muhammad): “Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha Suci Allah (dari segala iktikad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain.”

Surah Yusuf (12) : 10.

Ibn Kathīr (700-774H) menyatakan ayat ini menerangkan cara Nabi Muhammad SAW mengajak manusia supaya mentauhidkan diri kepada Allah SWT. Caranya ialah menyampaikan mesej dengan jelas dan terang iaitu meyakinkan mereka dengan membuktikan melalui dalil akal dan dalil syarak. Cara tersebut juga merupakan cara dakwah bagi orang yang mengikuti jizak langkah Baginda Nabi Muhammad SAW .¹⁵⁵

Jika dilihat kepada keseluruhan Islam didapati agama Islam adalah agama yang jelas, seimbang dan tidak berliku-liku. Akidah Islam adalah jelas dan senang difahami.

¹⁵⁴ Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *op.cit.*, h. 63.

¹⁵⁵ Ibn Kathīr (2002), *op.cit.*, J. 2, h. 495.

Syariah Islam adalah jelas iaitu setiap perkara yang buruk dan merosakkan dilarang dan setiap perkara yang baik dan menguntungkan di suruh. Akhlak Islam juga adalah jelas iaitu setiap perkara yang disukai oleh fitrah manusia adalah akhlak yang baik dan setiap perkara yang dibenci oleh fitrah manusia adalah akhlak buruk.

Kesimpulannya, mesej dan gaya persembahannya yang disampaikan kepada sasaran perlulah jelas dan terang supaya ia dapat menarik perhatian dan menyenangkan mereka menerima apa yang disampaikan. Oleh itu, pendakwah hendaklah mempunyai ilmu yang mantap dan luas agar dapat menyampaikan mesej dakwah dengan jelas dan terang. Di samping itu

c) **Pelik**

Mesej dakwah yang berunsur pelik merupakan salah satu unsur yang penting untuk menarik perhatian sasaran supaya mereka menerima mesej dakwah yang disampaikan. Ini kerana manusia suka memerhati dan mendengar perkara yang pelik atau luar biasa. Contohnya berita atau akhbar yang mengeluarkan berita tentang wanita yang hamil lima atau lapan orang bayi dalam kandungannya adalah lebih diminati oleh masyarakat daripada berita wanita yang hamil seorang bayi sahaja kerana mesejnya luar biasa yang didengari sebelum ini.

Ab. Aziz Mohd Zin menyatakan penggunaan mesej dalam bentuk yang aneh sering digunakan oleh al-Quran dan hadis. Al-Quran itu sendiri disampaikan kepada masyarakat Arab jahiliah dengan menggunakan unsur pelik, mereka diterima dengan penuh keanehan sama ada isi kandungan, gaya persembahan atau balaghahnya kerana belum ada yang seumpama itu sebelumnya. Kepelikan ini makin ketara apabila al-Quran tidak mungkin ditandingi dan dicabar oleh sesiapa, walaupun tokoh-tokoh syair.¹⁵⁶

Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW mengemukakan sesuatu perkara yang aneh kepada manusia supaya mereka tertarik dan menerima ajaran Islam yang

¹⁵⁶ Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *op.cit.*, h. 68.

disampaikan. Antara contoh ayat-ayat al-Quran ialah ayat-ayat mengenai hari kiamat yang manusia tidak mengetahui tentangnya, menyebabkan mereka tertarik dengan ayat-ayat tersebut. Ini kerana mesej berkaitan hari kiamat merupakan perkara yang aneh dan luar biasa sehingga manusia tidak dapat mengetahui melainkan Allah SWT sahaja yang menceritakan, firman-Nya:

الْقَارِعَةُ ﴿١﴾ مَا الْقَارِعَةُ ﴿٢﴾ وَمَا أَذْرَكَ مَا الْقَارِعَةُ ﴿٣﴾ يَوْمَ يَكُونُ
النَّاسُ كَالْفَرَاشِ الْمَبْثُوثِ ﴿٤﴾ وَتَكُونُ الْجِبَالُ كَالْعِهْنِ
الْمَنْفُوشِ ﴿٥﴾

Maksudnya:

“ Hari yang menggemparkan, Apa dia hari yang menggemparkan itu?. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui kedahsyatan hari yang menggemparkan itu? (Hari itu ialah: hari kiamat), hari manusia menjadi seperti kelkatu yang terbang berkeliaran. Dan gunung-ganang menjadi seperti bulu yang dibusar berterbangan.”

Surah al-Qari‘ah (101):1-5.

Sheikh Abdullah Basmeih menerangkan ayat-ayat tersebut menggambarkan peristiwa-peristiwa yang akan berlaku pada hari kiamat dan kedahsyatan menimpa manusia pada hari itu yang menjadikan mereka seperti kekaltu yang terbang berkeliaran dengan tidak tentu arah dan menjadikan gunung-ganang yang besar dan kukuh hancur berterbangan seperti bulu yang dibusar.¹⁵⁷ Oleh yang demikian, jelas ayat-ayat tersebut dapat menarik perhatian sasaran kerana ia mempunyai unsur yang aneh.

Kesimpulannya, mesej dakwah yang berunsur pelik dapat menarik perhatian sasaran kerana mereka belum mengetahui atau tidak biasa dengan maklumat yang di sampaikan.

¹⁵⁷ Sheikh Abdullah Basmeih (t.t.), *op.cit.*, h. 1718.

d) Berubah-ubah

Mesej dakwah yang berubah-ubah juga merupakan salah satu unsur yang penting untuk menarik perhatian sasaran supaya mereka menerima mesej yang disampaikan. Ini kerana perkara yang berubah dan bergerak lebih menarik daripada perkara yang diam.

Mengikut Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah, objek yang bergerak biasanya lebih disedari berbanding objek yang tidak bergerak.¹⁵⁸ Contohnya, lampu di papan iklan biasanya kelihatan bergerak-gerak untuk menarik.¹⁵⁹

Terdapat banyak bukti yang menunjukkan mesej dakwah itu juga digunakan secara berubah-ubah. Contohnya nama-nama dan istilah-istilah yang sentiasa berubah, banyak hukum agama yang berubah-ubah mengikut keadaan dan suasana, nama al-Quran sentiasa diubah-ubah mengikut kesesuaian tempat iaitu al-Quran, al-Kitab, al-Furqan, al-Zikr dan al-Tanzil, nama-nama kiamat sentiasa berubah-ubah mengikut kesesuaian tempat iaitu al-Qiamah, al-Waqi'ah, al-Sa'ah, al-Ghasiyah, al-Haqqah dan lain-lain. Susunan ayat dalam al-Quran dan hadis sentiasa diubah-ubah sedangkan mesejnya sama terutamanya pada kisah-kisah.¹⁶⁰ Oleh yang demikian, dakwah itu haruslah dilakukan dalam keadaan yang berubah-ubah sama ada dalam isi kandungan, gaya persembahan mesej, saluran media, strategi dan lain-lain.¹⁶¹

Dari keterangan-keterangan di atas jelas mesej dakwah yang berubah-ubah dapat menarik perhatian sasaran supaya mereka menerima mesej yang disampaikan. Oleh itu, mesej dakwah yang di sampaikan perlu berubah-ubah mengikut kesesuaian keadaan dan suasana sasaran semasa berdakwah. Di samping itu juga, gaya persembahan, saluran, strategi dan sebagainya perlu diubah-ubah mengikut kesesuaian keadaan dan suasana sasaran semasa berdakwah.

¹⁵⁸ Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah (2004), *op.cit.*, h. 79.

¹⁵⁹ *Ibid.*

¹⁶⁰ Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *op.cit.*, h. 66.

¹⁶¹ *Ibid.*

e) Keperluan

Perkara seterusnya yang dapat menarik perhatian sasaran dakwah ialah mesej yang disampaikan dengan berunsur perlu. Contohnya, pemilik-pemilik kereta akan tertarik kepada penjual kunci untuk keselamatan kereta dari kecurian apabila penjual kunci itu dapat menunjukkan senangnya kereta dicuri jika ia tidak dipasang dengan kunci keselamatan.¹⁶² Contoh lain pula orang yang mempunyai badan yang gemuk akan tertarik kepada penjual ubat turun badan untuk menurunkan badannya, apabila penjual itu dapat membuktikan ubatnya sangat mujarab dengan menceritakan testimoni-testimoni pengguna yang sebelum ini. Melalui contoh-contoh tersebut menunjukkan peniaga memenuhi keperluan pengguna sehingga pengguna tertarik dengan jualan itu. Oleh itu, unsur perlu dapat menarik perhatian seseorang.

Unsur perlu sering digunakan dalam pemasaran untuk menarik pelanggan membeli barang yang dijual dan ia merupakan konsep yang paling asas dalam pemasaran, kerana keperluan manusia adalah berbagai-bagai dan rencam yang meliputi keperluan fizikal seperti makanan, minuman, pakaian dan keselamatan; keperluan sosial seperti disayangi; dan keperluan individu seperti pengetahuan dan pencapaian hasrat diri.¹⁶³

Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis juga menonjolkan mesej yang berunsur perlu untuk menarik perhatian manusia supaya mereka melaksanakan perintahNya. Antaranya ialah Firman Allah SWT:

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ
يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا ﴿١٢٤﴾

¹⁶² *Ibid.*, h. 74-75.

¹⁶³ Nik Rahimah Nik Yacob & Ghazali Jaffar (2002), *Asas Pemasaran*, c. 12. Selangor Darul Ehsan: Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 2.

Maksudnya:
“ *Dan sesiapa yang mengerjakan amal salih, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk syurga, dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikit pun.*”

Surah al-Nisa (3):124.

Ayat tersebut menerangkan perlunya seseorang itu beriman dan mengerjakan amal soleh kerana iman dan amal soleh sahajalah yang dapat memasukkan seseorang manusia dalam syurga dan menjauhkan mereka daripada api neraka. Fakta-fakta tersebut dapat membuktikan mesej yang berunsur perlu dapat menarik perhatian sasaran supaya menerima ajaran Islam yang disampaikan. Oleh itu, pendakwah seharusnya menggunakan mesej yang berunsur perlu ketika menyampaikan dakwah kepada sasaran kerana fitrah manusia tertarik kepada sesuatu perkara yang perlu baginya.

Kesimpulan secara keseluruhannya, mesej dakwah yang hendak disampaikan kepada sasaran seharusnya mempunyai pelbagai unsur mesej iaitu unsur mudah, jelas dan terang, pelik, berubah-ubah dan keperluan supaya sasaran tertarik kepada mesej yang disampaikan.

3. Faktor Gaya Persembahan Mesej

Gaya persembahan mesej dakwah merupakan antara salah satu faktor yang dapat menarik dan memikat jiwa sasaran apabila dipersembahkan dengan baik dan bersesuaian dengan keadaan mereka. Sebaliknya, jika tanpa gaya persembahan mesej dakwah yang baik dan bersesuaian dengan sasaran mereka tidak tertarik dan sukar menerima ajaran Islam. Bahkan akan menjemukan sasaran sehingga sasaran lari daripada seruan yang disampaikan.

Gaya persembahan mesej dakwah di sini memberi erti *uslub* dakwah dengan makna yang khusus seperti yang telah dijelaskan dalam pengertian pendekatan dakwah. Ia bermaksud menyampaikan pengertian, pemikiran dan asas hukum-hukum (mesej dakwah)

dengan ibarat dan bentuk yang tertentu.¹⁶⁴ Menurut Ab. Aziz Mohd Zin gaya persembahan mesej ialah bentuk sesuatu isi atau mesej itu dipersembahkan kepada sasaran. Isi dakwah yang terdiri daripada akidah, syariah dan akhlak boleh dikemukakan kepada sasaran dengan berbagai-bagai gaya persembahan. Ia terhenti kepada kesesuaian dengan sasaran untuk mempengaruhinya.¹⁶⁵

Dalam buku *Psikologi Dakwah* yang memetikkan pandangan al-Rikabi iaitu satu daripada syarat penyampaian dalam dakwah ialah jelas dan terang. Hal ini bererti bahawa Islam itu hendaklah disampaikan kepada sasaran dengan seelok-elok cara, sebaik-baik media yang digunakan dan sejelas-jelas penerangan. Menjadi suatu kesilapan apabila menyampaikan sesuatu yang mulia, indah dan suci kepada sasaran dalam bentuk yang jijik yang boleh menghilangkan kegemilangannya.¹⁶⁶

Gaya persembahan mesej hendaklah dilaksanakan dengan kebijaksanaan seseorang pendakwah dalam usaha menarik perhatian sasaran supaya menerima seruan dakwah. Gaya persembahan mesej merupakan satu kebolehan atau bakat yang dapat diasah dan dikembangkan melalui latihan, penelitian, pengalaman dan kajian.¹⁶⁷

Penjelasan-penjelasan tersebut jelas menunjukkan gaya persembahan mesej merupakan salah satu faktor tarikan yang dapat menarik perhatian sasaran. Dalam hal ini, gaya persembahan mesej berbentuk bahasa yang indah dan fasih, berulang-ulang, menjinakkan, membuka pemikiran, mengemukakan alasan, kisah, perbandingan dan *targhīb* dan *tarhīb* perlu digunakan. Ini kerana kesemua-semuanya tersebut mempunyai keistimewaan masing-masing dalam menarik dan memikat hati sasaran terhadap seruan yang disampaikan.

¹⁶⁴ Nawfal (1977), *op.cit.*

¹⁶⁵ Ab. Aziz Mohd Zin (2004), *op.cit.*, h. 135.

¹⁶⁶ Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *op.cit.*, h. 61.

¹⁶⁷ Syed Abdurahman Hj. Syed Hussin (1996), "Uslub *al-Hikmah*, *al-Mau'izah al-Hasanah* dan *Mujadalah bi al-Husna* Mengikut Pandangan Ulama", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 4, Mei 1996, h. 50.

a) Bahasa yang Indah Dan Fasih

Bahasa memberi maksud percakapan yang baik.¹⁶⁸ Manakala fasih pula memberi maksud lancar dan baik sebutannya ketika bercakap-cakap atau petah.¹⁶⁹ Penggunaan bahasa yang baik adalah pemilihan perkataan-perkataan atau istilah-istilah yang baik dan tepat supaya jelas, menarik, sesuai dengan sasaran dan berkait dengan sesuatu keadaan.¹⁷⁰

Muhammad Khayr Ramaḍān menerangkan bahawa *uslūb* yang indah atau cantik ialah percakapan yang sesuai untuk memberikan kefahaman kepada sasaran. Ia bererti bahawa pemikiran yang dibawa adalah jelas, kalimah percakapan fasih, susunan ayat selaras dan seimbang, bahasa yang digunakan indah, adanya keselarasan antara keindahan kandungan dan kecantikan bahasa, serta penggunaan perkataan dan ayat yang tepat dan indah sehingga dapat memberi kesan yang baik kepada sasaran.¹⁷¹

Bahasa yang digunakan oleh Nabi SAW dalam dakwahnya adalah sangat indah dan menakjubkan terutamanya bahasa al-Quran. Melalui penggunaan bahasa yang indah inilah dapat menarik ramai orang kepada Islam.¹⁷² Dalam al-Quran Allah SWT mempersembahkan ayat-ayatNya dengan menggunakan bahasa yang sangat indah, tinggi dan menggerakkan perasaan hati pendengarnya. Ia sudah cukup membuktikan al-Quran menjadi daya tarikan yang kuat kepada manusia.¹⁷³ Keindahan ayat-ayat al-Quran yang telah diperjelaskan oleh Allah SWT ialah persamaan isi kandungan al-Quran antara satu dengan yang lain. Allah SWT berfirman:

اللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابًا مُتَشَابِهًا مَثَانِيَ ... ﴿١٢﴾

¹⁶⁸ Noresah bt. Baharom *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 106.

¹⁶⁹ *Ibid.*, h. 407.

¹⁷⁰ Anita Abdul Rani (2002), *op.cit.*, h. 75-76.

¹⁷¹ Muhammad Khayr Ramaḍān Yūsuf (1414H), *op.cit.*

¹⁷² Ab. Aziz Mohd Zin (2004), *op.cit.*, h. 52.

¹⁷³ Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *op.cit.*, h. 62.

Maksudnya:

“Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu Kitab Suci al-Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain (tentang benarnya dan indahnya) yang berulang-ulang...”

Surah al-Zumar (39): 23.

Ayat tersebut al-Şābūnī menerangkan ia menceritakan tentang kecantikan bahasa dan balaghahnya, kesesuaian dan keselarasan antara satu sama lain tanpa pertembungan antaranya, ulangan dalam nasihat dan hukum, ulangan dalam halal dan haram, ulangan dalam cerita dan berita tanpa menjemukan dan membosankan. Semuanya itu membuatkan orang yang membacanya begitu kagum, insaf dan membawa ketenangan fikiran.¹⁷⁴

Contoh ayat-ayat al-Quran yang bersamaan isi kandungan al-Quran antara satu dengan yang lain adalah bersamaan di akhir ayat yang terkenal dalam bahasa Arab ialah *al-Şāj*. Contohnya, Surah al-Ikhlās yang semua ayatnya sebanyak empat ayat berakhir dengan *Ad*, dalam Surah al-Nas yang semua ayatnya sebanyak enam ayat berakhir dengan *Nas*, dalam Surah al-Shams yang semua ayatnya sebanyak sepuluh ayat berakhir dengan *Ha*, dan lain-lain.

Kesimpulannya, jelaslah gaya persembahan mesej berbentuk bahasa yang indah dan fasih memainkan peranan yang penting dalam menarik khalayak. Oleh itu, haruslah seseorang pendakwah meningkatkan bahasan dan kefasihannya dalam menyampaikan dakwah dengan memilih perkataan-perkataan yang tepat dan bersesuaian dengan keadaan sasaran untuk lebih mudah dalam menarik perhatian sasaran supaya mereka menerima ajaran Islam yang disampaikan.

b) Berulang-ulang

Gaya persembahan mesej berbentuk berulang-ulang merupakan antara salah satu perkara penting yang dapat menarik perhatian sasaran supaya mereka menerima mesej yang disampaikan. Ini kerana bentuk tersebut berkaitan dengan tabiat manusia yang suka

¹⁷⁴ Muḥammad ‘Alī al-Şābūnī (1981), *Şafwah al-Tafāsīr*, j. 3. Bīrūt: Dār al-Qur’ān al-Karīm, h. 77.

mendengar dan menerima maklumat yang diulangi sama ada pada sudut lafaz dan makna. Oleh itu, manusia suka untuk melakukan perkara yang disampaikan.¹⁷⁵ Dalam konteks hubungan seseorang pula, ia akan mengurangkan rasa curiga yang boleh membawa kepada keselesaan hubungan.¹⁷⁶

H.M. Toha Yahya Omar menyatakan berulang-ulang ialah maksud kalimat memakai beberapa macam bentuk kalimat atau perkataan dengan maksud yang sama. Ia tidak boleh mengulangi kalimat kata demi kata kerana ia akan membosankan kepada sasaran. Pengulangan juga hendaklah digunakan ketika perlu sahaja.¹⁷⁷ Manakala Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah menyatakan persembahan yang berterusan dan berulang-ulang adalah lebih mendapat perhatian, tetapi juga boleh membawa kesan yang membosankan.¹⁷⁸

Muhammad Uthmān Najātī menyatakan ahli psikologi moden mengutamakan pengulangan dalam proses pengajian, syarikat perniagaan dan industri. Ini kerana pengulangan dapat mengukuhkan pemikiran pada diri manusia agar mereka sanggup mengeluarkan dana yang besar mengiklankan barangan jualan mereka. Di samping itu juga, ia dapat menyemai fikiran pengguna cenderung untuk membeli barangan yang dijual.¹⁷⁹

Dalam al-Quran, Allah SWT berfirman:

اللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابًا مُتَشَابِهًا مَثَانِي ... ﴿٣٩﴾

Maksudnya:

“Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu Kitab Suci al-Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain (tentang benarnya dan indahnya) yang berulang-ulang...”

Surah al-Zumar (39): 23.

¹⁷⁵ Mustafā Aḥmad Kanākir (2003), *al-Da'wah al-Islāmiyyah fī al-Qanawāt al-Fiḍā'iyyah al-Wāqi' wa al-Murtajī*. T.T.P.: Dār Afnān, h. 176.

¹⁷⁶ Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *op.cit.*, h. 67.

¹⁷⁷ H.M. Toha Yahya Omar (2004), *op.cit.*, h. 139-140.

¹⁷⁸ Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah (2004), *op.cit.*, h. 79.

¹⁷⁹ Muḥammad Uthmān Najātī (1985), *al-Qur'ān wa 'Ilm al-Nafs*, c. 2. T.T.P.: Dār al-Shuruq; h. 162.

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa kecantikan bahasa dan balaghahnya, kesesuaian dan keselarasan antara satu sama lain tanpa pertembungan antaranya, ulangan dalam nasihat dan hukum, ulangan dalam halal dan haram, ulangan dalam cerita dan berita tanpa menjemukan dan membosankan. Semuanya itu membuatkan orang yang membacanya begitu kagum, insaf dan membawa ketenangan fikiran.¹⁸⁰

Terdapat banyak ayat al-Quran yang telah diulangi oleh Allah SWT dalam al-Quran berbentuk fakta yang kebiasaannya berkaitan dengan akidah dan perkara-perkara yang ghaib untuk meneguhkan maklumat pada fikiran.¹⁸¹ Antara contoh ayat-ayat al-Quran yang telah diulangi oleh Allah SWT seperti dalam Surah al-Naml daripada ayat 60 hingga 64, lima kali Allah SWT mengulangi *A'ilāh Ma' Allāh* (“Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah SWT?”), Surah al-Rahman yang mengandungi 78 ayat, 31 ayat adalah diulangi (“Maka yang mana satu di antara ni‘mat-ni‘mat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?”) dan terdapat dalam surah-surah lain.

Kesimpulannya, gaya persembahan mesej dakwah bentuk berulang-ulang dalam dakwah merupakan satu perkara yang penting untuk menarik perhatian sasaran sama ada dalam bentuk lafaz perkataan dan fakta perbincangan. Fakta-fakta atau perkataan yang hendak diulangi haruslah menggunakan fakta yang penting dan sesuai dengan sasaran kerana ia boleh menimbulkan kesan yang kurang baik iaitu membosankan sasaran.

c) Menjinakkan

Gaya persembahan mesej dakwah berbentuk menjinakkan juga merupakan antara salah satu tarikan kepada sasaran kerana fitrah manusia suka kepada orang yang mengajak dan menasihatinya dengan cara yang berjinak-jinak, berlemah-lembut, beramah-tamah dan tidak kasar. Melalui cara tersebut sasaran akan mudah tertarik dan tidak lari diri daripada seruan yang disampaikan.

¹⁸⁰ Al-Sābūnī (1981), *op.cit.*

¹⁸¹ Najātī (1985), *op.cit.*

Berdakwah dengan menggunakan gaya persembahan dalam bentuk berjinak-jinak merupakan perkara yang penting bagi pendakwah dalam menyampaikan risalah Allah SWT kepada manusia bahkan Rasulullah SAW menyuruh sahabatnya berdakwah dengan cara tersebut dan baginda menjadi contohkan kepada sahabatnya.¹⁸²

Menggunakan sifat kekasihan, lemah lembut, sifat tolong menolong dan menyenangkan jiwa dalam menyampaikan dakwah kepada sasaran dapat memberi kesan yang sangat besar kepada hati mereka agar mereka mendengar perkara yang benar dan menerima apa yang disampaikan.¹⁸³

Ab. Aziz Mohd Zin memberi pandangan bahawa dalam dakwah, berjinak-jinak, layanan yang baik dan tidak mudah marah sangat diperlukan, terutamanya terhadap golongan yang lemah dan jahil. Dengan adanya sikap tersebut membuatkan sasaran tertarik dakwah yang dikemukakan.¹⁸⁴

Dalam al-Quran, Allah SWT menyuruh Nabi Musa a.s. dan Harun a.s. berdakwah kepada Firaun dengan perkataan yang lemah lembut supaya Firaun takut akan azab Allah SWT, seperti firman-Nya:

أَذْهَبَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ﴿٤٣﴾ فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لِّعَلَّهِ يَتَذَكَّرُ أَوْ

تَخْشَىٰ ﴿٤٤﴾

Maksudnya:

“Pergilah kamu berdua kepada Fir’aun , sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya. Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah lembut, semoga ia beringat atau takut”

Surah Taha (20): 43-44.

Ibn Kathīr menerangkan ayat-ayat tersebut memberi pengajaran yang penting kerana Firaun merupakan seorang yang takbur dan derhaka kepada Allah SWT dan Nabi Musa a.s.

¹⁸² ‘Abd Allāh Nāsīh ‘Ulwān (1985), *Tarbiyyah al-Awlād fī al-Islām*, j 1, c. 8. Qāhirah: Dār al-Salām, h. 472.

¹⁸³ Sa‘īd b. Fāliḥ al-Maghāmīsī (2004), *al-Tarbiyyah bi al-Ḥiwār ma‘ al-Shabāb wa ‘Atharuhā fī Taḥṣīn al-Ḥirāfāt al-Fikriyyah wa al-Sulūkiyyah*. Riyāḍ: Madār al-Waṭan li al-Nashr, h. 95.

¹⁸⁴ Ab. Aziz Mohd. Zin (1999), *op.cit.*, h. 74.

adalah orang yang dipilih oleh Allah SWT di kalangan manusia. Allah SWT menyuruh Nabi Musa a.s. supaya tidak bercakap dengan Firaun melainkan percakapan itu menggunakan perkataan yang berbentuk lemah-lembut dan berjinak-jinak.¹⁸⁵

Kesimpulannya, dakwah yang mengajak manusia ke arah kebaikan dan melarang manusia daripada kejahatan dengan gaya persembahan mesej berbentuk menjinakkan dapat menarik perhatian sasaran dan sasaran dapat menerima apa yang disampaikan. Oleh itu, pendakwah seharusnya tidak berkasar dalam menyampaikan dakwah terutamanya golongan yang lemah dan jahil.

d) Membuka Ufuk Pemikiran

Antara anugerah terpenting yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia ialah akal fikiran untuk memikirkan sesuatu perkara yang baik dan bermanfaat sebelum melakukannya bukan sebaliknya iaitu mengikut emosi atau membuta dan tuli dalam bertindak. Pemikiran adalah kegiatan dan proses penggunaan akal manusia untuk berbagai-bagai tujuan dalam kehidupannya.¹⁸⁶ Tujuan pemikiran yang sebenar ialah untuk mengenali Allah SWT dan kehidupan bagi menyelesaikan masalah dan mengambil keputusan demi kesejahteraan dan kebahagiaan hidup manusia.¹⁸⁷

Ab. Aziz Mohd Zin menyatakan salah satu cara berdakwah ialah dengan cara mengajak sasaran supaya memikirkan tentang kehidupan ini seperti tentang diri sendiri, tentang kekuasaan Pencipta (Allah SWT) dan tentang perlunya berfikir sebelum melakukan sesuatu dan jangan membuta tuli.¹⁸⁸ Oleh yang demikian, akal fikiran yang dipunyai oleh manusia memainkan peranan yang penting dalam mencari kebenaran, menyelesaikan masalah dan memperkuat lagi keyakinan dan kepercayaan apa maklumat yang diterima.

¹⁸⁵ Ibn Kathīr (2002), *op.cit.*, j 3, h. 159.

¹⁸⁶ Mohd. Yusof Hasan (2007), *Teori Pendidikan Pemikiran Global*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, h. 1.

¹⁸⁷ *Ibid.*

¹⁸⁸ Ab. Aziz Mohd Zin (2004), *op.cit.*, h. 138.

Agama Islam menggalakkan penganutnya untuk berfikir sebelum menerima sesuatu kerana menjadi dasar dalam Islam bahawa penerimaan Islam hendaklah berasaskan kepada kefahaman dan keyakinan. Ia bukan sekali-kali kerana ikutan yang membuta tuli. Untuk mendapatkan kefahaman dan keyakinan, akal memainkan peranannya dalam pencarian dan penyelidikan supaya sesuatu yang diterima itu boleh meyakinkan.¹⁸⁹

Jika ditinjau ayat-ayat al-Quran terdapat banyak ayat al-Quran yang disembahkan berbentuk mengajak manusia menggunakan akal fikiran untuk memikirkan sesuatu yang diciptakan oleh Allah SWT sama ada alam semesta, diri manusia sendiri, gejala alam dan sebagainya dan juga banyak menunjukkan makna pemikiran dan buktinya bagi merangkumi perkara yang berkaitan dengan proses pemikiran seperti pengamatan, pemerhatian, pemahaman dan kelebihan akal yang dianugerahkan kepada manusia.¹⁹⁰ Antara contoh ayat-ayat al-Quran yang dipersembahkan berbentuk mengajak manusia berfikir ialah firman Allah SWT:

أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ ﴿٧﴾ وَإِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ
 رُفِعَتْ ﴿١٨﴾ وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ ﴿١٩﴾ وَإِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ
 ﴿٢٠﴾ فَذَكِّرْ إِنَّمَا أَنْتَ مُذَكِّرٌ ﴿٢١﴾

Maksudnya:

“(Mengapakah yang kafir masih mengingkari akhirat), tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta, bagaimana ia diciptakan?. Dan keadaan langit, bagaimana ia ditinggikan binaannya?. Dan keadaan gunung-ganang, bagaimana ia ditegakkan?. Dan keadaan bumi, bagaimana ia dihamparkan. Oleh itu, berikanlah sahaja peringatan (wahai Muhammad, kepada manusia, dan janganlah berdukacita kiranya ada yang menolaknya), kerana sesungguhnya engkau hanyalah seorang Rasul pemberi ingatan;.”

Surah al-Ghashiyah (88): 17-21.

¹⁸⁹ Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *op.cit.*, h. 80.

¹⁹⁰ Fariza Md. Sham (2005), “Perkembangan Moral, Sosial Remaja dan Pendekatan Psikologi Dakwah dan Kaunseling di Malaysia” (Tesis, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, APIUM), h. 107.

Ayat tersebut jelas menunjukkan Allah SWT mengemukakan tanda-tanda yang diciptakan olehNya supaya golongan yang masih mengingkari memikirkan tanda-tanda tersebut. Ini kerana tanda-tanda tersebut dapat merenung dan lebih meyakinkan lagi bahawa Allah SWT itu Maha berkuasa.¹⁹¹

Kesimpulannya, gaya persembahan mesej berbentuk membuka ufuk pemikiran adalah salah satu gaya persembahan yang dapat menarik perhatian sasaran. Ini kerana Allah SWT memberi akal fikiran manusia supaya memikir dan fitrah manusia suka memikir untuk mencari kebenaran dalam kehidupannya. Oleh itu, gaya persembahan mesej dakwah berbentuk membuka ufuk pemikiran manusia perlu digunakan oleh pendakwah dalam menyampaikan dakwah supaya mereka tertarik dengan apa yang disampaikan.

e) Mengemukakan Alasan

Agama Islam disampaikan kepada manusia dengan keterangan dan alasan yang jelas, terang dan mudah difahami. Agama Islam tidak memaksa seseorang manusia menganut agama Islam atau menunaikan sesuatu ibadat kepada Allah SWT secara membuta tuli. Mereka mesti mengetahui terlebih dahulu tentang ajaran Islam sebelum menunaikan ibadat atau menganut Islam. Ini merupakan tabiat semula jadi manusia yang suka menerima sesuatu mesej dengan ada alasan atau hujah. Oleh itu, gaya persembahan mesej dengan mengemukakan alasan merupakan suatu gaya persembahan yang dapat menarik perhatian seseorang supaya menerima Islam.

Dakwah sering mengaitkan sesuatu suruhan dan larangan dengan alasan dan sebab-sebab tertentu. Orang-orang berfikir akan berasa selesa dengan suruhan dan larangan yang diarahkan dan ini boleh menarik perhatian mereka.¹⁹² Terdapat banyak ayat al-Quran yang menggunakan gaya persembahan mesej berbentuk mengemukakan alasan untuk menerangkan sebab-sebab di sebalik apa yang diperintahkan kepada hambaNya sama ada

¹⁹¹ Sheikh Abdullah Basmeih (t.t.), *op.cit.*, h. 1672.

¹⁹² Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *op.cit.*, h. 89.

dalam bentuk suruhan atau larangan supaya mereka dapat menerima mesej dengan senang hati bukan dengan membuta tuli. Antara contoh ayat suruhan ialah firman Allah SWT.:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

Maksudnya:

“ Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”

Surah al-Isra' (17): 32.

Ayat di atas menerangkan alasan kepada tegahan zina adalah kerana ia suatu perbuatan tidak bertanggungjawab, keji, tidak bermoral dan merosakkan masyarakat. Dari sudut kesihatan, bahayanya lebih jelas.¹⁹³

Keterangan-keterangan di atas jelas menunjukkan gaya persembahan mesej berbentuk menggunakan alasan merupakan suatu gaya persembahan yang penting untuk memikat hati dan menarik perhatian sasaran supaya mereka melaksanakan perbuatan yang baik dan menjauhi diri daripada perbuatan yang dikeji. Ini kerana mereka menerima maklumat dengan penuh senang dan memuaskan hati. Setiap alasan boleh dikemukakan dalam bentuk bukti sama ada daripada al-Quran dan sunah, logik akal atau daripada fakta-fakta yang jelas.

f) Kisah

Gaya persembahan mesej berbentuk kisah atau cerita merupakan antara salah satu gaya persembahan yang dapat menarik perhatian sasaran. Ini kerana fitrah manusia suka kepada kisah dan kisah dapat memberi kesan dari sudut pemikiran dan akhlak kepada pembaca dan

¹⁹³ *Ibid.*

pendengar.¹⁹⁴ Kisah juga menggambarkan segala aspek kehidupan sama ada bentuk rupa manusia, gerak geri dan budi pekerti, fikiran dan kecenderungan manusia.¹⁹⁵

Ab. Aziz Mohd Zin menyatakan persembahan dalam bentuk cerita merupakan suatu bentuk persembahan isi dakwah. Bentuk cerita sangat sesuai digunakan untuk mempengaruhi sasaran.¹⁹⁶ Ini kerana berdasarkan sejarah, kesukaan masyarakat kepada cerita tidak tertentu kepada peringkat umur, masa, kumpulan dan bangsa tetapi oleh seluruh masyarakat. Oleh itu, cerita dijadikan satu gaya persembahan dakwah yang penting.¹⁹⁷

Sebaik-baik kisah ialah kisah daripada al-Quran kerana kisah yang terdapat dalam al-Quran dapat mendidik seseorang Muslim supaya beriman yang sah, takwa yang bersih, istiqamah di atas jalan yang lurus, berakhlak mulia, beramal soleh dan menjauhi diri daripada penyelewengan sama ada sudut akidah, ibadat dan akhlak.¹⁹⁸ Firman Allah SWT:

وَكُلًّا نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِ فُؤَادَكَ وَجَاءَكَ فِي هَذِهِ الْحَقُّ وَمَوْعِظَةٌ وَذِكْرٌ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢﴾

Maksudnya:

“Dan tiap-tiap berita dari berita Rasul-rasul itu, Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menguatkan hatimu dengannya. Dan telah datang kepadamu dalam berita ini kebenaran dan pengajaran serta peringatan bagi orang-orang beriman.”

Surah Hud (11): 12.

Ayat di atas menegaskan bahawa semua kisah yang diceritakan kepada Nabi Muhammad SAW tentang para rasul serta umat-umat terdahulu iaitu bagaimanakah para rasul terdahulu melaksanakan dakwah kepada umat mereka yang suka berhujah dan berdebat, bagaimanakah para rasul bersabar daripada perkara-perkara, dusta, fitnah yang

¹⁹⁴ Al-Maghāmisī (2004), *op.cit.*, h. 34.

¹⁹⁵ Wan Hussein Azmi (1988), *op.cit.*, h. 97.

¹⁹⁶ Ab. Aziz Mohd Zin (2004), *op.cit.*, h. 154.

¹⁹⁷ *Ibid.*, h. 146.

¹⁹⁸ Al -Maghāmisī (2004), *op.cit.*, h. 33-34.

direka oleh umatnya dan bagaimanakah pula Allah SWT menolong golongan orang Mukmin dan Allah SWT mengalahkan golongan orang kafir. Semua itu adalah untuk menguatkan hati Nabi SAW supaya dapat mengetahui siapakah di kalangan para rasul sebelum ini sebagai menjadi contoh teladan.¹⁹⁹

Banyak ayat al-Quran mengemukakan mesej berbentuk kisah sama ada kisah para nabi, orang-orang soleh, peristiwa-peristiwa dan sebagainya seperti kisah Luqman dalam surah Luqman, kisah Maryam dalam surah Maryam dan lain-lain lagi.

Kesimpulannya, gaya persembahan mesej berbentuk kisah merupakan salah satu gaya persembahan yang dapat menarik perhatian dan dapat mempengaruhi jiwa dan mental sasaran kerana fitrah manusia suka kepada kisah. Kisah boleh dikemukakan sama ada kisah para nabi dan rasul, para sahabat, peristiwa-peristiwa dan mengenai kehidupan masyarakat seharian.

g) Perbandingan

Perbandingan merupakan antara salah satu gaya persembahan mesej yang digunakan untuk mendekatkan kefahaman kepada manusia dan menggambarkan kepada manusia berkenaan perkara-perkara yang tidak boleh mereka rasa dan sentuh.²⁰⁰

Perbandingan adalah suatu ungkapan yang digunakan secara membandingkannya dengan suatu perkara yang lain kerana wujud persamaan antara keduanya. Ada kalanya kerana sifat pelik yang ada pada gambaran yang menggunakan ungkapan tersebut. Ia bertujuan memberi penjelasan agar lebih mudah difahami dan berkesan di jiwa.²⁰¹ Ab. Aziz Mohd Zin menyatakan persembahan dalam bentuk perbandingan lebih senang bagi sasaran

¹⁹⁹ Ibn Kathīr (2002), *op.cit.*, j. 2, h. 465.

²⁰⁰ Abū Zayd (1994), *op.cit.*, h. 123.

²⁰¹ Sharifah Norshah Bani bt. Syed Bidin (2009), “Impak Uslub Tabsyir dan Indhar dalam Membentuk Personaliti: Kajian di Sekolah Henry Gurney, Teluk Mas, Melaka dan Batu Gajah, Perak” (Tesis, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM), h. 106.

memahami mesej atau maksud yang hendak disampaikan. Ia menarik dan dapat mempengaruhi sasaran.²⁰²

Kenyataan-kenyataan di atas dapatlah difahami bahawa perbandingan merupakan gaya persembahan mesej yang dapat menarik perhatian dan dapat mempengaruhi sasaran. Ini kerana ia dapat memberi kesan yang baik dan mudah bagi sasaran untuk memahami sesuatu perkara walaupun ia lebih ringkas tetapi dalam maksudnya.

Terdapat banyak gaya persembahan mesej berbentuk perbandingan dalam al-Quran dan hadis Nabi SAW. Antara bentuk perbandingan yang terdapat dalam al-Quran, firman-Nya:

مَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ^ط أَعْمَلُهُمْ كَرَمَادٍ اشْتَدَّتْ بِهِ الرِّيحُ فِي
يَوْمٍ عَاصِفٍ^ط لَا يَقْدِرُونَ مِمَّا كَسَبُوا عَلَى شَيْءٍ^ج ذَلِكَ هُوَ
الضَّلَالُ الْبَعِيدُ ﴿١٨﴾

Maksudnya:

“Bandingan (segala kebaikan amal dan usaha) orang-orang yang kufur ingkar terhadap Tuhannya ialah seperti abu yang diterbangkan angin pada hari ribut yang kencang; mereka tidak memperoleh sesuatu faedahpun dari apa yang mereka telah usahakan itu Sia-sianya amalan itu ialah kesesatan yang jauh dari dasar kebenaran.”

Surah Ibrahim (14): 18.

Ayat di atas jelaslah bahawa menunjukkan perbandingan tentang amalan orang kafir yang menyembah selain daripada Allah SWT, mendustakan rasulNya dan amalan mereka yang tidak berasaskan kebenaran. Lalu apabila hari kiamat mereka meminta pahala amalan yang mereka telah dilakukannya tetapi usaha tersebut sia-sia sahaja diibaratkan sebagai abu yang diterbangkan angin ketika ribut yang kencang.²⁰³

²⁰² Ab. Aziz Mohd Zin (2004), *op.cit.*, h. 159.

²⁰³ Ibn Kathir (2002), *op.cit.*, j. 2, h. 527.

Kesimpulannya, gaya persembahan mesej bentuk perbandingan merupakan salah satu gaya persembahan yang dapat menarik perhatian sasaran. Ini kerana ia lebih senang dan mudah bagi sasaran dalam memahami mesej atau maksud yang disampaikan. Oleh itu, pendakwah haruslah menggunakan bentuk perbandingan dalam menyampaikan dakwah.

h) *Targhīb* dan *Tarhīb*

Gaya persembahan mesej yang terakhir ialah *targhīb* dan *tarhīb*. Gaya tersebut juga dapat menarik perhatian sasaran. *Targhīb* adalah kata nama yang berasal daripada perkataan Arab yang berasal daripada kata kerja *raghghaba* yang bererti menginginkan sesuatu dan tamak padanya.²⁰⁴

Targhīb pada istilah ialah memberi galakan kepada manusia untuk melakukan kebaikan dan menerangkan ganjaran yang akan menanti orang mukmin dan soleh.²⁰⁵

Manakala *tarhīb* pula adalah kata nama yang berasal daripada perkataan Arab yang berasal daripada kata kerja *rahhaba* yang bererti menakutkan.²⁰⁶ *Tarhīb* pada istilah ialah menakutkan sasaran tentang balasan seksa yang akan mereka terima di dunia dan akhirat kerana melakukan kejahatan dan maksiat.²⁰⁷

Gaya persembahan mesej berbentuk *targhīb* dan *tarhīb* ini adalah sebagai gaya persembahan mesej yang berjaya mengubati jiwa manusia yang berselisih tentang kebaikan dan kejahatan, mengikatnya dengan mencintai kebahagiaan dan menjauhinya daripada kesempitan dan keseksaan. Dalam al-Quran banyak ayat yang menggalakkan manusia supaya mereka menerima kebenaran dan menerima dakwah yang disampaikan. Di samping itu, menakutkan sasaran tentang kekufuran dan azabnya. Oleh itu, dua gaya persembahan tersebut merupakan cara untuk berdakwah kepada manusia dengan memberi peringatan

²⁰⁴ Ibrāhīm Muṣṭafā *et al.* (t.t.), *op.cit.*, h. 356.

²⁰⁵ Abū Zayd (1994), *op.cit.*, h.119.

²⁰⁶ Ibrāhīm Muṣṭafā *et al.* (t.t.), *op.cit.*, h. 376.

²⁰⁷ Abū Zayd (1994), *op.cit.*

kepada mereka serta memperlihatkan kepada mereka tentang kesudahan yang ditujui dalam urusan mereka sama ada kebaikan atau keburukan.²⁰⁸

Targhib diberikan keutamaan sebelum *tarhib* kerana mendahulukan *targhib* daripada *tarhib* adalah minhaj yang ditunjuk oleh al-Quran dan oleh Nabi SAW dalam mengajak manusia kepada kebaikan.²⁰⁹ Antara contoh ayat al-Quran yang berbentuk *targhib*, firman-Nya:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ مِثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا تُجْزَىٰ إِلَّا
مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦٠﴾

Maksudnya

“Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari akhirat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikitpun).”

Surah al-'An'am (6): 160.

Ayat tersebut menerangkan bahawa Allah SWT menggalakkan manusia membuat kebaikan kerana setiap kebaikan akan diberikan balasan berganda. Satu kebaikan akan dibalas dengan sepuluh ganjaran, sedangkan satu kejahatan akan dibalas seumpamanya tanpa digandakan. Ini merupakan galakan daripada Allah SWT agar manusia membuat kebajikan dan kebaikan serta amal soleh. Ayat ini juga menunjukkan keluasan rahmat Allah SWT. Tambahan ganjaran di atas kebaikan yang dilakukan adalah merupakan kurniaan dan kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT sedangkan balasan dalam bentuk setara dalam perkara kejahatan adalah merupakan keadilan Allah SWT.²¹⁰

²⁰⁸ Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsuf (1414H), *op.cit.*, h. 99.

²⁰⁹ Jum'ah Amin 'Abd al-'Aziz (1989), *al-Da'wah: Qawā'id wa Uṣūl*, c. 2. Iskandāriyyah: Dār al- Da'wah, h. 208-210.

²¹⁰ Hamka (1983), *op.cit.*, j. 8, h. 2290-2291.

Manakala antara contoh *tarhib* dalam al-Quran pula, firman-Nya:

إِنَّ جَهَنَّمَ كَانَتْ مِرْصَادًا ۖ لِلطَّغْيِينِ مَاءً أَبًا ۖ لَّيْسِيْنَ فِيهَا أَحْقَابًا ۖ
لَّا يَذُوقُونَ فِيهَا بَرْدًا وَلَا شَرَابًا ۖ إِلَّا حَمِيمًا وَغَسَّاقًا ۖ

Maksudnya:

“Sesungguhnya neraka Jahannam adalah disediakan. Untuk orang-orang yang melampaui batas hukum Tuhan, sebagai tempat kembalinya. Mereka tinggal di dalamnya berkurun-kurun lamanya. Mereka tidak dapat merasai udara yang sejuk di dalamnya, dan tidak pula sebarang minuman. Kecuali air panas yang menggelegak, dan air danur yang mengalir.”

Surah al-’Anba (76):21-25.

Ayat tersebut jelas menakutkan hambanya tentang azab Allah SWT di dalam neraka pada hari kiamat kelak. Neraka sebagai tempat hukuman yang menyeterui Allah SWT iaitu takbur dan tidak mengikut para rasul yang diutuskan dan ia sebagai tempat tinggal sepanjang zaman. Di dalam neraka juga, ahli neraka tidak dapat merasai udara yang sejuk untuk menyejukkan kepanasan dan tidak ada minuman untuk menghilangkan dahaganya melainkan air panas yang menggelegak dan air danur ahli neraka. Kenyataan tersebut adalah seksaan azab bagi orang yang melakukan dosa-dosa besar. Tidak ada dosa yang lebih besar selain daripada syirik kepada Allah SWT dan tidak ada seksaan yang lebih dahsyat daripada selain daripada neraka. Itulah balasan amalan orang yang melakukan perkara yang keji.²¹¹

Fakta-fakta tersebut jelas menunjukkan gaya persembahan berbentuk *targhib* dan *tarhib* merupakan salah satu gaya persembahan yang dapat menarik perhatian sasaran dan mempengaruhinya. Ini kerana fitrah manusia sukakan ganjaran dan kebaikan dan sebaliknya mereka takut kepada akibat yang akan menyimpannya.

²¹¹Wahbah al-Zuhaylī (1991), *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah al-Syar‘iyyah al-Manhaj*, j. 30. Bīrūt: Dār al-Fikr al-Mu‘āssir, h. 18.

Sebagai kesimpulan keseluruhannya, gaya persembahan mesej berbentuk bahasa yang indah dan fasih, berulang-ulang, menjinakkan, membuka pemikiran, mengemukakan alasan, kisah, perbandingan dan *targhīb* dan *tarhīb* dapat menarik perhatian sasaran. Oleh itu, pendakwah haruslah menggunakan gaya persembahan mesej tersebut dalam menyampaikan dakwah kepada sasaran kerana ia dapat menarik perhatian dan disukai oleh sasaran.

4. Faktor Masa Dan Situasi

Satu faktor yang penting dalam dakwah untuk menarik perhatian sasaran supaya mereka menerima ajaran Islam yang disampaikan ialah faktor masa dan situasi sasaran. Ini kerana berdakwah dengan tidak memilih masa yang sesuai dan tidak mengetahui situasi sasaran akan menjadi masalah dalam berdakwah iaitu sasaran akan melarikan diri daripada seruan yang hendak disampaikan.

‘Abd Allāh Nāsiḥ ‘Ulwān menyatakan apa jua isi dakwah yang dianjurkan oleh pendakwah kepada sasaran atau apa jua masalah yang dikehendaki menanganinya atau apa jua pemikiran yang baik yang hendak di dakwah kepada sasaran tetapi ia tidak mendapat kesan yang baik. Ini tidak lain tidak bukan, pendakwah hendaklah bijak mengetahui pemikiran sasaran yang hendak di dakwah dan memilih isi dakwah yang bersesuaian dengan realiti pemikiran dan kehidupan sasaran. Ia bermaksud mengaitkan isi dakwah dengan suasana realiti sasaran.²¹²

Fathī Yakan menyatakan sesungguhnya tabiat dakwah Islamiah adalah menunjukan dakwah kepada manusia yang berbeza-beza dari segi status kehidupan, budaya, kecerdasan, suasana, kemahuan dan kebolehan. Oleh itu, kewajipan bagi pendakwah hendaklah mengetahui sasaran yang hendak didakwah terlebih dahulu sama ada latar belakang kehidupannya, pemikirannya, kefahamannya, apa kekurangan dan apa masalah yang sedang

²¹² ‘Abd Allāh Nāsiḥ ‘Ulwān (2004), *Silsilah Madrasah al-Du‘āh*, j. 1, c. 2. Qāhirah: Dār al-Salām, h. 373.

dialaminya. Oleh yang demikian, pendakwah dapat menjalankan dakwah dengan mudah dan dapat menyelesaikan sesuatu masalah dengan baik.²¹³

Kesimpulannya, masa dan situasi sasaran dalam dakwah merupakan salah satu faktor yang penting yang perlu ditekankan oleh pendakwah untuk menarik perhatian sasaran. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa dalam berdakwah kepada sasaran dengan menarik pendakwah perlu mengambil kira kepada aspek tepat pada waktu dan simpati dengan masalah sasaran.

a) Tepat Pada Waktu

Tepat pada waktu memainkan peranan penting dalam menarik perhatian sasaran. Contohnya pada musim-musim perayaan seperti hari Raya Aidilfitri, barangan-barangan tertentu seperti acuan kuih, sarung kusyen dan bunga-bunga yang ditawarkan di kedai-kedai dapat dijual dengan baik dan untung.²¹⁴ Penjual payung pula akan lebih mendapat keuntungan pada tibanya musim hujan. Contoh-contoh tersebut menunjukkan bahawa menonjolkan sesuatu perkara tepat pada waktunya dan bersesuaian dengan situasi sasaran, ia dapat menarik dan memikat hati sasaran.

Mengemukakan mesej tepat pada waktu telah digunakan oleh al-Quran seperti mana ternyata apabila ayat-ayat al-Quran diturunkan dengan menggunakan masa sebanyak dua puluh tiga tahun. Ayat-ayat al-Quran diturunkan mengikut keadaan masa dan sasaran seperti menjawab soalan manusia yang ditanya-tanyakan, menyelesaikan masalah, mengesahkan perkhabaran, menerangkan hukum-hukum agama dan sebagainya. Mengemukakan mesej tepat pada waktu merupakan satu topik dalam ilmu '*ulūm al-Qur'ān* yang dinamakan *asbāb al-nuzūl* (sebab-sebab turunnya ayat-ayat al-Quran).²¹⁵ Di samping itu juga, dalam ilmu hadis terkenal sebagai *sabab al-wurūd al-hadīth* (sebab-sebab kedatangan hadis).

²¹³ Fathī Yakan (1974), *op.cit.*, h. 21-22.

²¹⁴ Nik Rahimah Nik Yacob & Ghazali Jaffar (2002), *op.cit.*, h. 43.

²¹⁵ Mustafā Aḥmad Kanākir (2003), *op.cit.*, h. 171.

Rasulullah SAW mementingkan kesesuaian waktu dalam menyampaikan dakwah seperti mana yang termaktub dalam hadis iaitu:

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ قَالَ: ((كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَخَوَّلُنَا بِالْمَوْعِظَةِ فِي الْأَيَّامِ كَرَاهَةَ السَّامَةِ عَلَيْنَا))

Maksudnya:

Dari 'Ibn Mas'ūd berkata: “Nabi SAW memperlihatkan masa dalam memberi nasihat pada hari-hari yang tidak suka khususnya pada hari kami mempunyai kecemasan atau kesusahan.”²¹⁶

Hadis di atas menunjukkan Nabi SAW melihat keadaan masa dan sasaran terlebih dahulu sama ada ia merupakan masa yang bersesuaian bagi mereka atau tidak sebelum baginda menyampaikan dakwah kepada mereka supaya mereka tidak melarikan diri daripada seruan yang disampaikan. Oleh itu, pendakwah perlu memilih masa yang bersesuaian dengan mereka untuk berdakwah, sebaliknya janganlah dilakukan mengikut kehendak hati tanpa mengambil kira masa yang disenangi oleh sasaran.

Seperti seseorang mufti juga apabila hendak mengeluarkan sesuatu fatwa, mereka akan melihat masa dan situasi terlebih dahulu sebelum berfatwa. Sesetengah fatwa boleh digunakan di Arab Saudi tetapi tidak boleh digunakan di Mesir. Contohnya Imam Syafii yang mengasaskan mazhabnya di Iraq yang dikenali dengan Mazhab *al-Qadīm*, apabila beliau musafir ke Mesir dengan situasi di Mesir yang berlainan dengan di Iraq beliau membuat mazhab baru yang dikenali Mazhab *al-Jadīd*.²¹⁷

Ab. Aziz Mohd Zin menyatakan untuk menarik perhatian dalam dakwah, isu-isu dan isi-isi perbincangan seharusnya disesuaikan dengan keperluan masa, sebab pada ketika itu sasaran tertunggu atau bersedia untuk mengetahui mengenainya.²¹⁸ Sebagai contoh, nasihat supaya orang menjadi baik, mengerjakan yang disuruh dan meninggalkan yang dilarang

²¹⁶ Al-Bukhārī (2000), *op.cit.*, “*Kitāb al-‘Ilm*”, no. hadis 68, h. 8.

²¹⁷ Mustafā Aḥmad Kanākīr (2003), *op.cit.*, h. 172.

²¹⁸ Ab. Aziz Mohd Zin (1999), *op.cit.*, h. 72.

lebih menarik perhatian sasaran jika dilakukan selepas berlaku kematian orang yang mereka sayangi.²¹⁹

Kenyataan-kenyataan di atas jelas menunjukkan dakwah yang berjaya dan dapat menarik perhatian sasaran perlu melihat waktu yang bersesuaian dengan keperluan sasaran supaya kehendak mereka dipenuhi.

b) Simpati Dengan Masalah Sasaran

Langkah pertama sebagai tahap awal yang penting bagi pendakwah ialah mengenali masalah sasaran terlebih dahulu dan bersimpati dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Dengan perasaan belas kasihan pendakwah kepada sasaran yang sedang mengalami masalah, sasaran akan tertarik apa yang disampaikan kepadanya. Ini kerana ia selaras dengan naluri manusia dan memenuhi keperluannya. Oleh itu, pendakwah hendaklah sentiasa bersedia dengan maklumat dan mental ketika berhadapan dengan masalah yang dihadapi oleh sasaran supaya mudah menyelesaikannya. Pendakwah juga harus bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh sasaran ketika berdakwah.

Antara contoh ayat-ayat al-Quran, firman Allah:

أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالدِّينِ ﴿١﴾ فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُ الْيَتِيمَ ﴿٢﴾
وَلَا يَحْضُ عَلَىٰ طَعَامِ الْمَسْكِينِ ﴿٣﴾

Maksudnya:

“Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama (meliputi hari pembalasan)?. Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim. Dan ia tidak menggalakkan untuk memberi makan yang berhak diterima oleh orang miskin.”

Surah al-Ma‘un (107): 1-3.

²¹⁹ *Ibid.*

Ayat tersebut menunjukkan membiarkan anak-anak yatim dan tidak memberi makan kepada orang miskin dihubungkan dengan pembohongan kepada hari akhirat. Ayat ini juga menunjukkan simpati kepada golongan yang tertipu dan golongan yang lemah. Dengan adanya simpati seperti ini, ia akan dapat menarik perhatian golongan tersebut.²²⁰

Kesimpulannya, dalam menyampai dakwah kepada sasaran pendakwah haruslah bersimpati dengan masalah sasaran yang dihadapi untuk mudah menarik perhatian sasaran.

Kesimpulan keseluruhannya ialah pendakwah perlu mengenal pasti sasaran terlebih dahulu dengan melihat latar belakang atau masalah yang dihadapi oleh sasaran dan mencari peluang masa yang tepat serta bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh mereka. Oleh yang demikian, dakwah yang disampaikan dapat menarik perhatian sasaran.

2.3 KESIMPULAN

Pendekatan dakwah merupakan suatu perkara yang sangat penting yang perlu diambil perhatian sepenuhnya oleh pendakwah atau organisasi dakwah dalam menjalankan dakwah. Ini kerana pendekatan dakwah merupakan metode atau cara yang terdekat digunakan bagi melaksanakan dakwah untuk menarik perhatian dan mempengaruhi sasaran supaya menerima ajaran Islam yang disampaikan dan mempraktikkannya. Sebaliknya, pendakwah atau organisasi dakwah yang bergerak tanpa pendekatan dakwah akan memberi kesan yang negatif kepada sasaran. Dalam masa yang sama, pendakwah tidak akan dapat mencapai matlamat yang telah digariskan bahkan kemungkinan akan tersasar daripada matlamat. Di samping itu juga, para pendakwah akan kerugian masa, tenaga dan material yang digunakan. Asas pendekatan dakwah yang perlu diambil perhatian oleh pendakwah atau organisasi dakwah dalam melaksanakan dakwah ialah pendekatan *al-ḥikmah*, *al-maw'izah* *al-ḥasanah* dan *al-mujādalah bi al-latī hiya ahsan* serta menggunakan berbagai-bagai bentuk cara yang khusus.

²²⁰ Ab. Aziz Mohd Zin (2003), *op.cit.*, h. 101.

Manakala tarikan dakwah adalah antara salah satu pendekatan dakwah yang sangat penting dan perlu diambil berat oleh pendakwah kerana tarikan dakwah merupakan langkah awal dalam dakwah sebelum melaksanakan langkah-langkah seterusnya. Sebaliknya, jika langkah awal tidak dapat menarik perhatian atau memikat hati sasaran adalah sangat sukar bagi sasaran untuk menerima apa yang akan disampaikan oleh pendakwah. Oleh itu, dakwah yang mempunyai tarikan lebih menarik perhatian sasaran. Terdapat empat faktor tarikan dakwah utama iaitu faktor pendakwah, mesej, gaya persembahan mesej dan masa dan situasi.